



Amanat Sulaiman untuk penjawat awam Melaka

Agenda 2022



Dapatkan e-paper MHI di sini

- 2022 tahun kecekapan pelaksanaan - KM
- Asas utama: fahami konsep 'Government of the day'
- Inisiatif buat rakyat disampaikan dengan kadar pantas, lancar, sistematik dan berkesan
- Sulaiman yakin ekonomi Melaka kembali pulih
- Kutipan hasil negeri meningkat
- Tingkat inisiatif kurangkan pengangguran
- Melaka hargai 'Abang Viva'

2,3&4



SULAIMAN berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 di Auditorium Seri Negeri. (Foto: Azren Jamaludin)

Lima asas penjawat awam tahun 2022

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menggariskan lima kecekapan pelaksanaan yang perlu dijadikan asas kepada penjawat awam negeri sepanjang tahun 2022.

Katanya, asas pertama ialah pemahaman mengenai konsep 'government of the day'.

Beliau menjelaskan, sebagai jentera kerajaan, penjawat awam perlu sentiasa sedaya upaya menyokong dan melaksanakan semua dasar serta agenda pembangunan yang telah diputuskan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat.

Bagi asas kedua pula, Sulaiman meminta pelan tindakan jabatan dan agensi tahun 2022 difokuskan kepada konsep 'Keluarga Malaysia', yang selari dengan kerangka hala tuju Melaka Rumahku.

"Konsep bersifat inklusif dengan dilingkari kecemerlangan duniawi dan ukhrawi ini mengajak semua rakyat berbilang bangsa di negeri serta negara ini bersamasama ke arah membina sebuah Keluarga Malaysia yang utuh, penyayang serta berbudi pekerti mulia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 di Auditorium Seri Negeri, 10 Jan lalu.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Wira Ibrahim Durum, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari dan barisan Exco Kerajaan Ne-



SULAIMAN (tengah) menunjukkan buku *Mewajah Melaka Menggamit Dunia* yang dilancarkan sempena Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 di Auditorium Seri Negeri. Foto Iqmal Haqim Rosman

geri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta ketua jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Mengulas lanjut Sulaiman berkata, penjawat awam juga perlu merealisasikan segala pelan jangka pendek dan jangka panjang sebagai garis panduan serta di-

tambah baik dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian sebagai asas ketiga.

Manakala, katanya, asas keempat menekankan Fokus tumpuan kepada kecekapan pelaksanaan manifesto 5 tahun, 'Kestabilan Demi Kemakmuran', yang mesti

ditepati dan ditunaikan.

"Semua ketua jabatan hendaklah menjadikannya (manifesto) sebagai panduan dalam merangka pelan tindakan dan KPI masing-masing," ujarnya.

Sulaiman berkata, asas terakhir yang perlu diberi penekanan

ialah tumpuan kepada kebajikan rakyat secara menyeluruh.

Dalam hal ini, ujar beliau, penjawat awam perlu memastikan segala inisiatif kepada rakyat hendaklah disampaikan dengan kadar pantas, lancar, sistematik dan berkesan.

Ekonomi di Melaka akan kembali pulih - KM



SULAIMAN dalam sidang media selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2022. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Liana Sahabudin

SERI NEGERI - Kerajaan negeri menjangkakan ekonomi Melaka pada tahun ini kembali pulih selaras dengan tema 'Kecekapan Pelaksanaan Demi Kemakmuran Negeri Melaka' tahun 2022.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata pencapaian itu dapat direalisasikan dengan kerjasama semua penjawat awam yang telah membantu negeri ini.

Katanya, sebagaimana diungkapkan dalam ucapan amanat terdahulu, kerajaan negeri mahu semua pihak terutama penjawat awam mengamalkan kecekapan dalam pelaksanaan tahun ini bagi memastikan ekonomi negeri pulih.

"Terima kasih kepada penjawat awam yang mencapai sasaran yang telah ditetapkan seperti tersedia di dalam Pelan Strategik Melaka Maju Jaya (PSMJ) 2035.

"Kita sudah mula gerakkan seperti mana dalam bajet kita bentangkan tahun 2021, sehingga kini separuh daripada itu telah kita capai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2022 di Auditorium Seri Negeri, 10 Jan lalu.

Dalam pada itu, beliau berharap semua penjawat awam di negeri ini dapat melaksanakan tanggung-

jawab sebaik mungkin seperti tema ditetapkan tahun ini.

"Amanat ini meliputi aspek pemantau tentang program-program sosio ekonomi rakyat, penguurusan pandemik dan bencana banjir.

"Seterusnya aspek pemulihan ekonomi dan pencapaian prestasi serta petunjuk prestasi utama (KPI) serta sasaran kerangka kerja," katanya.

| WAKTU SOLAT | | | | | | |
|--|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian. | | | | | | |
| 17 - 23 Januari 2022 (14 - 20 Jamadilakhir 1443H) | | | | | | |
| | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 17 JANUARI 2022 | 6.09 am | 7.22 am | 1.24 pm | 4.46 pm | 7.22 pm | 8.34 pm |
| 18 JANUARI 2022 | 6.09 am | 7.22 am | 1.24 pm | 4.47 pm | 7.23 pm | 8.34 pm |
| 19 JANUARI 2022 | 6.10 am | 7.22 am | 1.24 pm | 4.47 pm | 7.23 pm | 8.34 pm |
| 20 JANUARI 2022 | 6.10 am | 7.22 am | 1.25 pm | 4.47 pm | 7.24 pm | 8.35 pm |
| 21 JANUARI 2022 | 6.11 am | 7.23 am | 1.25 pm | 4.47 pm | 7.24 pm | 8.35 pm |
| 22 JANUARI 2022 | 6.11 am | 7.23 am | 1.25 pm | 4.47 pm | 7.24 pm | 8.35 pm |
| 23 JANUARI 2022 | 6.11 am | 7.23 am | 1.25 pm | 4.48 pm | 7.24 pm | 8.36 pm |

Kutipan hasil negeri meningkat - KM

Farah Suhaidah Othman

SERI NEGERI - Kerajaan negeri berjaya memperoleh kutipan hasil negeri pelbagai cukai berjumlah RM457.5 juta, melebihi sasaran 100 peratus pada tahun 2021.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kutipan hasil negeri yang diperolehi menerusi kutipan hasil cukai, bukan cukai dan pelbagai terimaan itu melebihi RM445.96 juta yang disasarkan sebelum ini.

Katanya, kerajaan negeri turut berjaya meningkatkan rizab negeri berjumlah RM15.97 juta pada tahun lalu berbanding RM960,000 pada tahun 2020.

"Sebagai makluman, Kerajaan Negeri telah memperoleh kutipan hasil negeri yang merangkumi kutipan hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan seban-

yak RM457.5 juta berbanding sasaran RM445.96 juta, iaitu melebihi sasaran 100 peratus.

"Selayaknya, penghormatan juga kita berikan kepada agensi pemungut hasil yang bekerja keras terutamanya, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Tanah dan Galian dan ketiga-tiga Pejabat Daerah dan Tanah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 di Auditorium Seri Negeri, 10 Jan lalu.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Wira Ibrahim Durum, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari dan barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta ketua jabatan dan agensi kerajaan negeri.



SULAIMAN menyempurnakan simbolik pelancaran buku Mewajah Melaka Menggamit Dunia.

Pembangunan tambak laut bantu sumbang hasil negeri



SULAIMAN melihat ilustrasi pembangunan koridor ekonomi berimpak tinggi, Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ), selepas majlis pelancarannya di sebuah hotel di Kuala Lumpur, April tahun lalu.

SERI NEGERI - Pembangunan tambak laut di Melaka telah menyumbang sebanyak RM100 juta sepanjang tahun lalu, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, jumlah itu merangkumi 21.86 peratus hasil kerajaan negeri sepanjang tahun lalu.

"Jumlah ini dapat menampung kekurangan hasil Kerajaan Negeri akibat pandemik COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 di Auditorium Seri Negeri, 10 Jan lalu.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Wira Ibrahim Durum, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari dan barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta ketua jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, kerajaan negeri juga akan berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan Zon Ekonomi Pesisir Pantai Melaka (MWEZ) sebagai sebuah projek nasional.

Pada masa sama, pihaknya juga akan berusaha mendapatkan kelulusan sebuah kawasan bebas cukai di kawasan itu.

Tingkat inisiatif kurangkan pengangguran di Melaka

SERI NEGERI - Kadar pengangguran di Melaka meningkat tiga peratus pada suku ketiga tahun lalu berbanding 2.2 peratus dalam tempoh sama tahun sebelumnya, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Bagi mengatasi peningkatan kadar pengangguran di negeri ini, beliau berkata, pelbagai inisiatif dilakukan kerajaan negeri selepas berbagai sektor ekonomi termasuk pelancongan dan pelaburan mula menunjukkan sinar positif.

"Kerajaan negeri telah mengadakan tiga siri Karnival Kerjaya di tiga daerah selain Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya) dan Program Pekerjaan Jangka Pendek Malaysia (MYSTEP), yang mana mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

"Program ini (MYSTEP) melibatkan pe-

nyertaan 95 majikan, yang dihadiri seramai 1,523 pencari kerja. Sehingga 30 Disember 2021, Alhamdulillah, lebih 300 orang rakyat Melaka telah ditawarkan pekerjaan dan 779 orang layak ke peringkat kedua temuduga," katanya dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 di Auditorium Seri Negeri, 10 Jun lalu.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, kerajaan negeri akan menganjurkan Karnival Kerjaya di kawasan luar bandar sepanjang tahun ini.

"Konsep ini adalah untuk mendekati masyarakat yang berada di kawasan luar bandar mendapat peluang pekerjaan dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

"Untuk itu, bagi menghargai UPEN, Institut Tun Perak (ITP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam penganjuran ini," katanya.



SEKITAR karnival kerjaya yang dianjurkan tahun lalu. Foto: Mr Azli

Abang Viva tidak kejar penghargaan



SULAIMAN (dua dari kanan) bertanya sesuatu kepada Azwan selepas menyampaikan sumbangan penghargaan daripada kerajaan negeri pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2022, di Seri Negeri.

Siti Salehah

SERI NEGERI - "Apa yang saya lakukan ini ikhlas, kalau tiada penghargaan sekalipun, saya akan tetap menghulurkan bantuan membantu mereka yang memerlukan," itu kata Azwan Omar atau lebih dikenali sebagai 'Abang Viva'.

Azwan, 29, berkata, penghargaan diberikan kerajaan negeri adalah penghormatan buat dirinya dan secara tidak langsung membuat dirinya lebih bersemangat melakukan aktiviti sukarela membantu mangsa banjir yang terjejas.

Katanya, dirinya bukan sesiapa tetapi amat mengalu-alukan mereka yang berminat dan mempunyai kudrat untuk turut sama turun membantu mangsa banjir.

"Saya amat berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana sudi memanggil dan menyampaikan sumbangan, saya amat hargainya.

"Saya anggap ujian mereka itu seperti ujian diri sendiri, apabila mangsa banjir berada dalam kesusahan kita juga terkesan

dan merasai beban itu," katanya.

Terdahulu, pemuda itu yang dikenali sebagai hero banjir itu menerima saguhati dan sumbangan daripada kerajaan negeri yang disampaikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 Ketua Menteri Melaka, di sini, 10 Jan lalu.

Turut menerima sumbangan dan penghargaan daripada pihak kerajaan negeri ialah balu kepada Pegawai Bomba, Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh, 46, yang dilaporkan lemas ketika cuba menyelamatkan mangsa banjir di Kampung Sungai Putat pada Okt tahun lalu.

Menurut Azwan, selepas kisahnya menjadi tular kehidupan hariannya tidak lagi seperti sebelum ini dan terpaksa meminta pertolongan kakaknya dari segi masa.

"Buat masa ini saya dalam 'mode standby' untuk ke Johor, kalau katakan keadaan makin teruk saya akan ke sana bantu apa yang sepatutnya selain masih lagi setia bersama Viva," katanya.

Pengurangan cukai taksiran bantu PBT Melaka

SERI NEGERI - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini menyambut baik pengurangan 10 peratus cukai taksiran bagi tahun 2022.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata, langkah itu sekali gus melegakan pemegang cukai taksiran di semua PBT Melaka.

"Kalau di pihak PBT, kita dengar tadi ucapan Ketua Menteri dalam amanat tahun baharu

antaranya mengurangkan 10 peratus cukai taksiran pada tahun 2022.

"Jadi Insya-Allah perkara ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat memang telah diatur pengurangan 10 peratus untuk cukai taksiran tersebut," katanya kepada Melaka Hari Ini selepas mendengar Amanat Tahun Baharu Ketua Menteri di Seri Negeri, 10 Jan lalu.

Dalam pada itu, Shadan berkata pihaknya menyambut baik

tema Kecekapan Pelaksanaan Demi Kemakmuran Negeri Melaka yang disuarakan kerajaan negeri.

"Bagi pihak MPHTJ kami menerima segala pandangan yang telah diutarakan oleh Ketua Menteri sebentar tadi.

"Kita menyambut dengan keadaan yang baik dengan janji yang dikeluarkan oleh kerajaan hari ini.... kita akan cuba memastikan masyarakat di luar sana berpuas hati," katanya.



Penjawat awam sahut amanat KM

SERI NEGERI - Penjawat awam di negeri ini menyambut baik saranan kerajaan negeri menggunakan tema 'Kecekapan Pelaksanaan Demi Kemakmuran Negeri

Melaka' dalam usaha menggerakkan serta merencanakan kembali ekonomi negeri tahun ini.

Ezlyn Fardiha Zainal berkata, perkara itu menjadi

motivasi buat penjawat awam untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat di negeri ini.

"Sebagai penjawat awam hari ini kita dengar sendiri amanat yang disampaikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka, kita amat menyambut baik segala saranan yang dikemukakan.

"Ini sebagai motivasi buat penjawat awam, tadi Ketua Menteri minta kita untuk melaksanakan kerja dengan cepat, tangkas dan cekap untuk mencapai semua visi yang dirancang tahun ini dan tahun mendatang," katanya ketika ditemui MHI di Seri Negeri, 10 Jan lalu.

Sementara itu, Mohd

Fasarul Md Isa turut berharap agar tema itu dapat diwujudkan secepat mungkin menerusi kerjasama dan dorongan yang diberikan oleh penjawat awam.

"Kita perlu merealisasikan di peringkat agensi kita, apa yang disampaikan Ketua Menteri itu kita kena tunaikan di peringkat agensi kita sendiri.

"Jangan kita hanya sekadar mendengar sahaja tetapi kita tidak menepati apa yang dihasratkan oleh beliau (Ketua Menteri)," katanya.



EZLYN Fardiha



MOHD Fasarul

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 17 JANUARI - 20 JANUARI 2022

Isnin
17/01/2022



Pagi: Tiada hujan
Petang: Ribut petir di satu dua tempat
Malam: Hujan di satu dua tempat
Min: 23° / Maks: 32

Selasa
18/01/2022



Pagi: Tiada hujan
Petang: Tiada hujan
Malam: Tiada hujan
Min: 23° / Maks: 33°

Rabu
19/01/2022



Pagi: Tiada hujan
Petang: Tiada hujan
Malam: Tiada hujan
Min: 23° / Maks: 33°

Khamis
20/01/2022



Pagi: Tiada hujan
Petang: Tiada hujan
Malam: Tiada hujan
Min: 23° / Maks: 33°



SULAIMAN ketika berucap merasmikan Seminar Bemban Maju Jaya Kali Pertama di Kompleks Japerun Bemban.

Banjir: Melaka pasang siren amaran

Liana Sahabudin

BEMBAN - Kerajaan negeri bersetuju untuk memasang siren kecemasan di semua kawasan berisiko tinggi dilanda banjir di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata inisiatif itu dilaksanakan bagi memberi amaran kepada penduduk sekiranya kawasan mereka dinaiki air.

"Mesyuarat Exco kerajaan negeri telahpun bersetuju untuk memasang siren kecemasan di semua lokasi risiko banjir di negeri ini.

"Dengan adanya siren ini kita dapat alert (amaran) lebih awal lagi, itu perancangan kita.

"Selain itu, kita juga akan mencari solusi kepada masalah banjir yang berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Seminar Bemban Maju Jaya Kali Pertama di Kompleks Japerun Bemban di sini, 13 Jan lalu.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, pelaksanaan sistem itu akan diselenggarakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Unit Kerajaan Tempatan (UKT) dibawah Jabatan Ketua Menteri.

"Fokus utama kita pasang siren ini di bandar dan luar bandar yang mana kawasan tersebut rendah, punyai penduduk yang padat dan sering dinaiki air sewaktu hujan," katanya.

Rumah RM56,000 untuk mangsa banjir

ALOR GAJAH - Pemilik kediaman yang mengalami kerosakan sepenuhnya akibat bencana banjir bakal menerima rumah baharu bernilai RM56,000, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, bantuan diberikan kerajaan Pusat itu bagi membantu mangsa banjir yang kehilangan kediaman akibat musibah berkenaan.

"Di Melaka setakat ini dalam data kita sebanyak tiga buah rumah baharu akan dibina di daerah Alor Gajah, jumlah ini akan bertambah selepas kita mengumpul lebih banyak data.

"Manakala sebanyak empat buah rumah yang rosak dalam bencana banjir di negeri ini akan dibaiki dengan peruntukan minima RM5,000 dan maksimum RM15,000," katanya.

Sulaiman berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan Bantuan Pembelian Barang Keperluan Mangsa Banjir bernilai 2,500 di Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah di sini, 11 Jan lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari; Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia, Datuk Muhammad Jailani Khamis dan lain-lain kenamaan.

Menurutnya, setakat ini kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.08 juta melibatkan 434 Ketua Isi Rumah (KIR) terjejas banjir di Melaka.



SITUASI banjir yang melanda Lubok China, baru-baru ini.

Ladang babi Paya Mengkuang diwartakan kawasan wabak



PEMUSNAHAN babi Paya Mengkuang menggunakan kaedah gas CO2 (high concentration) berasaskan garis panduan Kod Amalan Kebajikan Haiwan iaitu Pengurusan Pelupusan Haiwan, sebelum ditanam secara sempurna.

BEMBAN - Kerajaan negeri bersetuju mewartakan ladang babi di Paya Mengkuang sebagai kawasan wabak penyakit berikutan penularan wabak Demam Babi Afrika (ASF) membabitkan ternakan di kawasan itu.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, pewartaan itu melibatkan 35 buah ladang ternakan babi di kawasan tersebut dengan kawalan yang lebih ketat.

"Kita dah setuju untuk mewartakan kawasan ternakan tersebut, kampung tak boleh kita wartakan, pusat ternakan sahaja.

"Pewartaan ini melibat-

kan keseluruhan 35 ladang ternakan babi di situ, kalau ia diwartakan disebabkan bencana dan sebagainya... jadi kawalan akan lebih ketat supaya wabak itu tidak terus merebak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Seminar Bemban Maju Jaya Kali Pertama di Kompleks Japerun Bemban di sini, 13 Jan lalu.

Sulaiman berkata, pewartaan itu adalah yang pertama kali diadakan bagi tujuan kawalan supaya penyakit ASF tidak terus merebak atau berjangkit.

"Kita tiada tempoh pewartaan, ini macam wabak

pandemik COVID-19, kalau penyakit ini sudah habis, maka ia habislah.

"Kita buat bagi tujuan kawalan supaya penyakit ini tidak merebak atau berjangkit dan kita hanya benarkan 45,000 ekor ternakan babi saja," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memaklumkan sebanyak 1,864 ekor babi yang disahkan positif Demam Babi Afrika (ASF) di Melaka telah dilupuskan setakat 7 Jan.

Jumlah itu membabitkan ternakan di 16 ladang komersial di Paya Mengkuang, Masjid Tanah.

TYT saksi MoU antara CCM, KOKITA

Faiz Hasan

BANDARAYA MELAKA

- Koperasi Kakitangan ANGKASA Berhad (KOKITA) dan CCM Manufacturing & Packaging SDN. BHD memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dalam satu majlis di sebuah hotel, di sini, 11 Jan lalu.

Pemeteraian MoU itu disaksikan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Simbolik pertukaran dokumen perjanjian di antara kedua-dua pihak diwakili Pengerusi Eksekutif CCM, Yogeswaran Nadeson bersama Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Dr. Abdul Fattah Abdullah.

Dalam program sama, Tun Mohd Ali turut menyaksikan Majlis Penyerahan Surat Cara Pengiktirafan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) oleh Pengerusi Eksekutif SKM, Zazali Harun kepada Pengarah urusan CCM, Datuk Lim Sue Beng.

Acara kemudiannya diteruskan dengan pelancaran CCM Safe menyaksikan simbolik perasmian ditandatangani Mohd Ali sebagai gimik pelancaran program CCM Safe.

Program berkenaan merupakan pakej insurans yang dibangunkan CCM bersama VSure Tech Sdn Bhd sebagai penyedia platform insurans atas permintaan digital berlesen pertama oleh Bank Negara Malaysia (BNM).



TUN Mohd Ali menyaksikan MoU di antara KOKITA bersama CCM Manufacturing & Packaging di Hotel Majestic Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Saf solat berjemaah dirapatkan satu meter



KEADAAN saf solat Jumaat di Masjid Al-Alami, MITC, 14 Jan lalu. (Foto: Iqmal Haqim Rosman)

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Melaka membenarkan solat Jumaat dan fardhu secara berjemaah di masjid dan surau diadakan mengikut kapasiti bangunan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Datuk Che Sukri Che Mat berkata, selain itu, jarak antara saf juga dirapatkan satu meter iaitu berdasarkan ukuran di antara titik tengah tempat sujud sejada setiap jemaah.

Katanya, kerajaan negeri bersetuju untuk ketetapan baharu bagi pengimarah masjid dan surau itu dikeluarkan berdasarkan situasi semasa negeri.

Menurutnya lagi, ketetapan itu telah berkuatkuasa 13 Jan sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

"Ketetapan bagi jumlah maksimum jemaah bagi aktiviti solat Jumaat, fardhu dan jenazah di negeri Melaka adalah berdasarkan kapasiti kawasan masjid dan surau dengan penjarakan antara titik tengah tempat sujud sejada yang bersebelahan ialah

satu meter.

"Pemasangan khemah dalam kawasan masjid turut dibenarkan.

"Namun semua jemaah perlulah sentiasa memakai pelitup muka, membawa sejada sendiri dan mendaftar MySejahtera," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata selain itu, semua masjid dan surau di negeri ini juga perlu melakukan disinfeksi sekurang-kurangnya seminggu sekali, selain sentiasa memastikan pengudaraan yang baik.

"Antara aktiviti pengimarah masjid dan surau yang dibenarkan termasuk pengurusan dan solat jenazah, kelas pengajian seperti kuliah Maghrib dan Subuh serta kelas pengajian Al-Quran.

"Bagi penganjuran majlis, ceramah, program dan kursus turut dibenarkan dengan penceramah hendaklah mempunyai tauliah daripada Jabatan Mufti Negeri Melaka manakala penceramah dari luar Melaka hendaklah mempunyai tauliah negeri atau kebenaran khas bertulis daripada jabatan," katanya.

Tubuh koperasi di semua masjid

BANDARAYA MELAKA - Kesemua masjid di negeri ini dijangka akan menubuhkan koperasi sendiri bagi membantu ahli kariah mendapatkan barang keperluan harian pada harga lebih murah.

Presiden Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya komited memastikan kesemua masjid di Melaka akan mem-

nyukai koperasi masing-masing biarpun hanya 38 koperasi telah didaftarkan dari keseluruhan 186 masjid di Melaka.

Katanya, strategi untuk mewujudkan koperasi itu dijangka diselesaikan menjelang bulan Ramadan.

"Selepas ini kita percaya semua komuniti terutama masyarakat Islam di

Melaka tidak ada masalah untuk dapatkan bekalan harian dengan harga berpatutan.

"Semua koperasi itu akan ditubuhkan di bawah Koperasi Gabungan Masjid Melaka yang akan mewujudkan sebuah konsortium masjid dan menjadi pembekal bersama ANGKASA untuk kita dapatkan barangan dengan harga lebih murah kerana dibeli secara

pukul," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, penubuhan koperasi di setiap masjid di negeri ini seiring dengan petunjuk prestasi utama (KPI) ANGKASA bagi memberi jaminan kepada kerajaan untuk menawarkan barangan yang lebih murah dalam Program Pembekalan Barangan Asas 100 (BA100).

"Dalam BA100 kita

memberi jaminan akan membantu menawarkan harga barangan potongan dari lima hingga 15 peratus di mana ia lebih murah berbanding pasaran biasa.

"Jadi, sekiranya hasrat menubuhkan koperasi masjid ini mampu dicapai, insya-Allah potongan itu boleh dicapai 15 hingga 30 peratus," ujarnya.



ABDUL Fattah

Setinggi-tinggi *Penghargaan*



kepada

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam
Yang Di-Pertua Negeri Melaka

Di atas

Menyaksikan Majlis Memeterai Memorandum Persefahaman (MoU)
antara CCM Manufacturing & Packaging Sdn Bhd dan
Koperasi Kakitangan ANGKASA Berhad dan
Penyampaian Surat Endosmen Daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia
serta Menandatangani Simbolik Perasmian Program CCM Safe

Ikhlas daripada

CCM MANUFACTURING & PACKAGING SDN BHD (962913-p)

SUITE 39-1, JALAN TASIK SELATAN 8, METRO CENTER BANDAR TASIK SELATAN,
57000 KUALA LUMPUR



 : +603-90549188



: <https://ccmnp.my/>

Melaka sedia rumah mampu milik, mampu jual

Fiqa Jamal

ALOR GAJAH - Kerajaan negeri akan memastikan perumahan di Melaka ditawarkan pada harga berpatutan bagi memastikan lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri.

Exco Perumahan Datuk Zaidi Attan berkata, inisiatif itu juga dilakukan dalam usaha memastikan rumah yang dibina habis terjual.

Jelas beliau, antara langkah yang diambil ialah menyediakan lebih banyak rumah mampu milik (RMM) sesuai dengan ke-

perluan rakyat dalam golongan B40 dan M40 di negeri ini.

"Kita akan menyediakan rumah-rumah mampu milik yang lebih banyak dan sesuai dengan keperluan rakyat yang mempunyai pendapatan rendah termasuk juga untuk golongan M40.

"Jadi kita perlu ada penyesuaian, permintaan dan penawaran dalam skop pembinaan rumah di Melaka untuk memastikan rumah yang dibina akan habis terjual," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media

selepas Majlis Penyerahan Pelekat Kenderaan Media Negeri Melaka Tahun 2022 di Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 12 Jan lalu.

Mengulas lanjut, Zaidi berkata kerajaan negeri juga akan memastikan pembinaan rumah-rumah mampu milik itu teratur dalam penggunaan kadar guna tanah yang maksima.

Beliau berkata, tindakan tegas juga akan diambil kepada mana-mana pemaju perumahan yang membina rumah tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.



ZAIDI (dua dari kiri) menyerahkan pelekat kenderaan kepada wakil media Melaka.

Kilang kereta elektrik kebanggaan Melaka - Rais



RAIS

PAYA RUMPUT - Pembinaan kilang pemasangan kereta elektrik pertama di Malaysia bakal membuka peluang buat Melaka menjadi destinasi terbaharu pelabur membabitkan bidang teknologi.

Exco Teknologi Datuk Rais Yasin berkata, kejayaan menarik pelabur dalam industri kereta elektrik itu merupakan satu kebanggaan kerana ia

bakal menjadi pemindahan teknologi automotif terbesar dalam negara khususnya negeri Melaka.

Justeru, beliau percaya pemindahan teknologi dari China untuk menghasilkan kereta elektrik itu akan dimanfaatkan sepenuhnya di negeri ini.

"Pembinaan kilang pemasangan kereta elektrik ini merupakan satu perkara yang boleh dibanggakan oleh rakyat ne-

geri ini kerana ia diyakini mampu menarik ramai pelabur terutama dalam bidang teknologi melabur ke negeri ini.

"Pembinaan kilang itu juga akan membantu aspek pemindahan teknologi (*transfer technology*) selain membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Sebelum ini, Melaka

mengumumkan pelaburan bernilai RM1 bilion oleh Syarikat Fieldman EV Sdn Bhd (FEV) yang akan membangunkan kilang pemasangan kereta elektrik pertama negara.

Kilang itu akan dibangunkan di kawasan perindustrian Lipat Kajang di atas tapak seluas kira-kira 202 hektar (500 ekar) yang dijangka akan mula beroperasi suku ketiga tahun 2024.

Dalam pada itu, Rais yang juga Exco Pendidikan berkata, kerajaan negeri juga sedang dalam usaha membawa masuk pelaburan baharu berkaitan teknologi hijau sedikit masa lagi.

Katanya, ia akan membabitkan kerjasama dengan sebuah syarikat basikal dikenali sebagai Revo, namun perkara itu masih di peringkat perbincangan.

Tiga kuil dibuka untuk Thaipusam di Melaka

Faiz Hasan

AYER KEROH - Kerajaan negeri menetapkan hanya tiga kuil dari setiap daerah sahaja dibuka untuk perayaan Thaipusam pada 18 Jan ini.

Exco Perpaduan Ngwe Hee Sem berkata, tiga kuil berkenaan adalah Kuil Sri Subramaniam Devasthanam Batu Berendam (daerah Melaka Tengah), Kuil Dewa Sri Bala Then-dayuthabani Simpang Ampat (daerah Alor Gajah) dan Kuil Sri Subramaniam Sri Maha Mariaman Serkam (daerah Jasin).

Menurutnya, kuil berkenaan juga hanya dibenarkan melakukan upacara 'Paal Koodam' atau membawa belanga

berisi susu sahaja sempena perayaan itu tahun ini.

"Selain itu, kerajaan negeri juga hanya membenarkan kapasiti 50 peratus penganut Hindu hadir ke kuil mengikut kapasiti rumah ibadat itu.

"Setiap pengunjung yang hadir perlu didaftarkan dan dikenakan penanda (tag) oleh penganjur setelah mendapat kebenaran dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) masing-masing.

"Setiap upacara yang diadakan hanya dijalankan di dalam kawasan kuil sahaja dengan mematuhi penjarakan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengesahkan penularan pan-

demik COVID-19," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebarang perarakan adalah tidak dibenarkan sama sekali bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan kerajaan.

Walaupun beberapa beberapa kuil di negeri ini telah membuat permohonan untuk mengadakan perarakan, namun ia tidak dibenarkan sama sekali.

"Kita harap dalam merayakan perayaan di negara yang mempunyai kepelbagaian budaya dan kaum ia dapat dipatuhi oleh semua penganjur dan penganjur bagi mengesahkan penularan COVID-19 terutamanya dari varian baharu Omicron," katanya.



Kuil Sri Subramaniam Devasthanam, Batu Berendam.

| | | | | | | |
|--|---|---|---|---|--|--|
| <p>MELAKA HARI INI NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316</p> <p>PEMANGKU PENGARANG MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazrul@melakaharini.my</p> <p>PENGARANG DIGITAL FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahothman@melakaharini.my</p> <p>JURUFOTO KANAN AZREN JAMALUDIN m.azren86@gmail.com</p> <p>JURUFOTO IQMAL HAQIM ROSMAN</p> | <p>WARTAWAN</p> <p>MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan@melakaharini.my</p> <p>LIANA SAHABUDIN llyann90@melakaharini.my</p> <p>FIQA JAMAL norafiqahjamat93@gmail.com</p> <p>SITI SALEHAH AL-QADRAWI sitisalehah@melakaharini.my</p> | <p>REKABENTUK & GRAFIK</p> <p>AMBRAN MOHAMED ambran@melakaharini.my</p> <p>MIMIE AZURA ABU BAKAR mimiezura1981@melakaharini.my</p> | <p>IT SUPPORT</p> <p>PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT ABDUL JALIL JAMAR abduljaliljamar@gmail.com</p> | <p>PEMASARAN</p> <p>PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMAN amz@melakaharini.my 018 - 329 9936</p> | <p>UNIT MEDIA SOSIAL</p> <p>EKSEKUTIF IZAIDA RAIHANAH IDRIS izrailhanah363@gmail.com</p> <p>SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR khalidah@melakaharini.my</p> | <p>MELAKA TV</p> <p>WARTAWAN PENYIARAN MOHAMAD FARIS HAIKAL farishaikal.zakaria@melakaharini.my</p> <p>AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufalzzati98@melakaharini.my</p> <p>JURUVIDEO MOHD ZAIDI YAACOB</p> <p>PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN osmanrabiah@melakaharini.my</p> |
|--|---|---|---|---|--|--|



Harga Jualan dari
~~RM370,000~~
RM280,000
 Harga Istimewa!!!



Sewa Bulanan – RM1,700+
 Ansuran Bulanan – RM1,100+
 Pendapatan Bulanan – RM600+

*Pinjaman 100% ,
 RM0 Downpayment*

**Percuma
 Yuran Guaman & Duti Setem**

**Percuma Internet
 (5 Tahun)
 Kelajuan - 1000 mbps**

- ✓ Kondo Mewah berlokasi di Kota Laksamana, Melaka
- ✓ Dilengkapi 40++ Kemudahan
- ✓ Hak Milik Kediaman
- ✓ Keluasan 1,069 kps
3 Bilik/2 Bilik Air



SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : TANJUNG RATNA SDN. BHD - 014 668 9209

Alamat : Tanjung Ratna Sdn Bhd Malacca, No. 24, Jln KLJ 4, Taman Kota Laksamana, 75200 Malacca

No. Lesen Pemaju:19468-2/09-2022/02776 (L)|Tempoh Sah:08/09/2021-7/09/2022|No. Permit Iklan:19468-2/09-2022/02776 (P)|Tempoh Sah:08/09/2021-07/09/2022| Pemaju beserta Alamat Lengkap dan No. Telefon: Tanjung Ratna Sdn. Bhd. Aras 18, Menara Safuan, No. 80, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. +0327818989|Jenis Pegangan Tanah: Pajakan 99 tahun|Tarikh Tamat Tempoh: Mei 2117|Bebanan Tanah:Maybank|Perihal Rumah Tempat Tinggal: Kondominium|Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap:(Fasa 1)15 Ogos 2022|Harga Jualan Minimum dan Maksimum:|Jenis A:RM347,000.00 - RM391,000.00|Jenis B:RM380,000.00 - RM422,000.00|Bilangan Unit:Jenis A (23 unit)Jenis B(69 unit)|Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan:MBMB|No. RUjukan : MBMB/JKB/03040/12/2016(9).Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkusan Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Dimensi baharu Panorama Melaka

Siti Salehah

BANDARAYA MELAKA

- Pembelian bas baharu oleh Panorama Melaka Sdn Bhd (PMSB) membuktikan syarikat pengangkutan awam negeri itu komited dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna.

Pengurus Besarnya Datuk Abu Bakar Abdul berkata, pembelian bas baharu itu adalah antara perancangan yang dirangka pihaknya dalam menyediakan perkhidmatan terbaik selain menjaga imej Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan terkenal.

Beliau berkata, dua tahun sebelum ini susulan pandemik COVID-19, PMSB turut menerima impak dan pada tahun ini pihaknya menjurus kepada menyediakan perkhidmatan terbaik demi mengembalikan semula trend perniagaan.

"Sebelum 2022 kita hadapi masalah apabila bas digunakan (lama) dan disewa. Kini PMSB sudah menukar dan membeli 24 buah bas baharu iaitu kita miliki aset

sendiri.

"Pemilikan aset sendiri ini adalah usaha serta lebih inisiatif kita untuk memberi perkhidmatan terbaik dan selesa buat pengguna menggunakan perkhidmatan bas henti-henti," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Menurutnya, walaupun sudah membeli 24 buah bas baharu, PMSB masih menyewatiga buah bas bagi menampung perjalanan operasi syarikat itu.

"Kita juga jangkakan apabila trend perniagaan kembali kepada asal pada tahun hadapan kita akan menambah pembelian antara lima hingga 10 buah bas tetapi ia perlu dibuat secara berperingkat.

"Jadi kita amat berharap keadaan bertambah baik supaya apabila bilangan bas ini dapat ditambah, bas yang berada di lapangan serta kekerapan perjalanan juga bertambah," katanya.

Menurut Abu Bakar, dengan keadaan bas baharu ia secara tidak langsung dapat menarik keinginan orang ramai termasuk pe-



ABU Bakar menunjukkan bas Panorama Melaka yang baharu. Foto Iqmal Haqim Rosman

lancong untuk menggunakan perkhidmatan awam.

"Apabila orang datang ke Melaka lihat keadaan bas yang lebih cantik membuatkan mereka ingin mencuba

malah ia memberi imej yang baik kepada negeri," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, program Bas Penyayang yang menggantikan bas percuma memberi man-

faat kepada 32,856 orang golongan sasar.

"Jika sebelum ini ia hanya membabitkan tiga laluan tetapi menerusi Bas Penyayang ia menyeluruh kepada semua laluan.

"Kos keseluruhan bas ini disubsidi kerajaan negeri sebanyak RM985,680 setahun dengan ambil anggaran seramai 16,428 golongan sasar menggunakan perkhidmatan ini," katanya.

Bas Singgah-Singgah mula operasi Februari

BANDARAYA MELAKA - Bas pelancongan baharu Melaka yang dikenali sebagai 'Bas Singgah-Singgah' dijangka akan memulakan perkhidmatannya pada pertengahan Februari ini.

Pengurus Besar Panorama Melaka Sdn Bhd Datuk Abu Bakar Abdul berkata, bas bercirikan pelancongan dengan kerjasama sebuah syarikat swasta akan menggunakan sistem elektrik sepenuhnya.

Beliau berkata, bas itu akan melalui tujuh pusat penghentian (pit stop) di kawasan tumpuan pelancong di negeri ini iaitu ke Taman Buaya, Bangunan Merah, Menara Taming Sari, Muzium Kapal Selam serta Dataran Klebang sebelum kembali semula ke Melaka Sentral.

"Bas ini sudah siap sepenuhnya namun terdapat sedikit masalah teknikal dan sekiranya boleh kita jangkakan sebelum Tahun



ABU Bakar

Baru Cina ia dapat beroperasi.

"Untuk peringkat permulaan ini hanya sebuah Bas Singgah-Singgah sahaja dan kita jangkakan dalam tahun ini ia akan bertambah kepada lapan buah," katanya.

Menurut beliau, pihaknya percaya perkhidmatan Bas Singgah-Singgah itu nanti bukan hanya mendapat sambutan penduduk Melaka malah pelancong luar yang datang ke negeri ini.

"Bas ini dapat membawa kira-kira 50 penumpang dalam satu masa dan dengan suasana yang santai dan selesa pengguna tidak akan melepaskan peluang untuk mencuba.

"Bayaran tiket pula dibuat menggunakan pakej yang berharga RM15, menerusi pakej ini penumpang boleh menggunakan tanpa limit dalam tempoh tiga hari untuk ke lokasi disenaraikan itu," katanya.

Mengulas lanjut Abu Bakar berkata, dengan adanya produk baharu itu nanti ia secara tidak langsung dapat membantu Panorama Melaka dalam menstabilkan semula pendapatan syarikat perkhidmatan itu.

"Selain dapat membantu menjana pendapatan Bas Singgah-Singgah ini juga akan merancakkan lagi sektor pelancongan negeri serta dapat mengurangkan kesesakan," katanya.

Info: Panorama Melaka Sdn Bhd

Perkhidmatan disediakan:-

- Pengangkutan bas awam
- Pusat Servis Proton Panorama
- Perkhidmatan kereta sewa

Jenis bas:-

- 24 buah bas baharu (bermula Okt hingga Dis 2021)
- 4 buah bas mesra OKU lantai rendah 4 buah
- 20 buah bas mini
- **Melibatkan 30 laluan
- **Anggaran penumpang sebulan 18,150

Bas Singgah-singgah:-

- 7 laluan kawasan tumpuan pelancong. (Taman Buaya, Bangunan Merah, Menara Taming Sari, Muzium Kapal Selam, Dataran Klebang, Melaka Sentral)

Bas Penyayang:-

- 30 laluan
- Golongan sasar: OKU, asnaf
- Jumlah penumpang yang layak: 32,856 orang





MIMBAR MAIM

“Be na r be na s ang a t be run tu ng o ra ng - o ra ng ya ng mem be ri s ih kan di ni de ng an be ri man dan sen ti a sa be rz ik ir me ny e bu t na ma Tu ha n nya se r ta me ng e ja ka n se mb a hy a ng .” (Sura h Al - A ’ la , a ya t 14 - 15)

“De mi se sun g gu h nya ! Ka mi a ka n me ng u ji ka mu de ng an se di kit ke ta ku ta n, ke la pa ran, dan ke ku ran g an da ri ha r ta be nd a se r ta ji wa dan ha sil ta - na ma n. Dan be ri lah k ha ba r ge mb i ra ke pa da o ra ng ya ng sa ba r.” (Sura h Al - Ba q a ra h, a ya t 155)

MOU MAIM - KUIM iktiraf pendidikan asnaf muallaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) memainkan peranan besar dalam menjaga kebajikan asnaf saudara muslim atau Muallaf di negeri Melaka.

Peranan besar berkenaan melingkupi aspek kehidupan harian mereka terutama berkaitan sahsiah diri dan pemantapan akidah bagi memastikan kehidupan mereka kekal berpandukan syariat dan

syiar Islam.

Kerjasama erat bersama institusi pendidikan di negeri ini mampu membantu asnaf muallaf menjadi ikon selain menyuntik semangat mereka untuk meningkatkan taraf pendidikan.

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) merupakan salah sebuah pusat pengajian yang mengambil inisiatif tambahan menjalinkan kerjasama pendidikan khususnya melibatkan asnaf muallaf.

Dalam kalangan muallaf pasti-



Md Rawi bergambar bersama tetamu kehormat yang hadir.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bertukar dokumen MOU bersama Naib Canselor KUIM, Prof. Dr. Abdul Razak Ibrahim.

nya terdiri daripada mereka yang berpotensi dalam meningkatkan taraf pendidikan mereka terutama dalam bidang keagamaan mahupun teknikal.

Perjanjian usahasama yang dimeterai ini pasti memberi kelebihan kepada mereka bagi mendapat ilmu pengetahuan dan sijil tauliah yang diiktiraf, seterusnya mampu menjadi ikon pendidikan kepada asnaf muallaf lain.

Kerjasama dalam modul pen-

gajian dan pengajaran muallaf turut diperkukuh dalam usaha membentuk sahsiah diri lebih ampuh dan pemantapan iman yang sentiasa dipelihara setiap masa.

Pengiktirafan kepada muallaf di negeri ini mampu menjadikan mereka ikon kepada asnaf muallaf yang lain memperbaiki kehidupan harian mereka.

Muallaf juga memainkan peranan besar dalam memastikan penyampaian serta bimbingan kepada

saudara muslim yang lain lebih mudah untuk memahami dan menghayati agama Islam dalam kehidupan mereka.

Pastinya sokongan dan dorongan untuk mereka terus kekal dengan Islam sentiasa diperbaiki serta menyatakan kepada mereka akan kebenaran tentang Islam dan menerap keyakinan kepada mereka tentang kelebihan mereka menjadi insan terpilih yang diberi hidayah untuk memeluk Islam.



SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA



01 MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA" 04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

02 MELALUI POTONGAN GAJI, MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL IWAKAF MAIM (<https://iwakaf.maim.gov.my>)

03 MELALUI "STANDING INSTRUCTION (SI)" MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET

3 KAEDAH BERWAKAF

Jom Berwakaf

04015010078877 (BIMB)
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat



Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

KEKAL PRIHATIN...Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bersama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) menyampaikan sumbangan kit makanan dan wang tunai kepada mangsa banjir di kawasan Lubok China, DUN Ayer Limau. Sumbangan disampaikan oleh ADUN kawasan itu, Datuk Hameed Kunju Basheer sambil disaksikan Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud. Turut diserahkan sumbangan peralatan asas antaranya tilam toto dan barangan elektrik.





MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA







PREMIS KOSONG UNTUK DISEWA

📍 No. 134-1, Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, 75450, Melaka

📏 1,540 kaki persegi

💰 RM700 / sebulan

Hubungi

Unit Pelaburan & Sewaan, MAIM
06 - 283 7416 samb. 115 / 127

📱 @maimmelaka

🌐 www.maim.gov.my





مجلس الدين الاسلامي ملقا
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

NOTIS HEBAHAN HARTA LUQATAH (DIJUMPAI TAHUN 2020 DAN 2021)

TARIKH MULA : 07 JANUARI 2022

TARIKH TAMAT : 07 JANUARI 2023

| BIL. | NO. DAFTAR | JENIS BARANG | LOKASI DIJUMPAI |
|------|------------|---------------------|--|
| 1 | 000062 | Barang kemas wanita | Majlis kenduri di rumah Pn. Zaleha binti Abu Bakar |
| 2 | 000063 | Barang kemas wanita | Tidak diketahui |
| 3 | 000064 | Barang kemas wanita | Masjid Laksamana Hang Tuah Duyong |
| 4 | 0006 | Barang kemas wanita | AEON bandaraya Melaka |
| 5 | 0007 | Barang kemas wanita | Masjid Kg. Hulu |
| 6 | 0009 | Barang kemas wanita | Masjid Kg. Hulu |
| 7 | 0017 | Barang kemas wanita | Kedai Gambar Merlimau |
| 8 | 0019 | Barang kemas wanita | Mydin Ayer Keroh |

Sukacita dimaklumkan, Majlis Agama Islam Melaka telah menerima penyerahan Harta Luqatah (harta yang tercicir atau hilang). Pemilik dikehendaki hadir berurusan di Seksyen MAL, Majlis Agama Islam Melaka untuk tindakan selanjutnya. Pemilik boleh berbuat demikian dalam tempoh satu (01) tahun mengikut tarikh notis hebahan ini dikeluarkan.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA
PUSAT ISLAM MELAKA
BUKIT PALAH, 75400 MELAKA
TEL : 06-283 7416 / 06-284 9809 / 06-283 2077
NO. FAKS : 06-282 6033 / 06-288 2792

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



SERAH KATIL...Skuad Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM menyampaikan sumbangan katil kepada asnaf MAIM, Abd Rahim Abd Rahman di Kampung Kuala sungga tebong yang terlanjar berikutan menghidap penyakit angin ahmar sejak sekian lama. Sumbangan berkenaan telah diserahkan oleh Ketua Unit BSAT, Haziq Abdullah Thani dan turut hadir menyantuni ADUN Machap Jaya, Ngwe Hee Sem.

SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan Bahagian Zakat MAIM hadir pada Kursus Pengemaskinian Had Kifayah anjuran MAIM baru-baru ini. Pemantapan dan perbincangan menyeluruh berkaitan kadar had kifayah yang bertepatan dalam usaha penambah baik proses pengagihan zakat kepada asnaf di negeri ini. Hadir sama Setiusaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim.



APA ITU FENOMENA APHELION ?



Fenomena astronomi yang berlaku apabila Bumi berada pada kedudukan paling jauh dari Matahari (152,098,455 km). Fenomena ini terjadi kerana orbit Bumi mengeliling Matahari berbentuk elips.
Fenomena Aphelion - 4 Julai 2022

Jom Tunaikan Zakat KWSP



Tahun / Haul

Amaun Nisab

Maklumat KWSP

Jumlah Pengeluaran

Jumlah Zakat KWSP

Jumlah Layak Dizakat

Jumlah Zakat 2.5% Setahun

Hanya **2.5%**
Dari Hartamu Milik
Asnaf

Ambillah kesempatan ini untuk menunaikan

Zakat Harta di : www.izakat.com

Ucapan Amanat Tahun Baharu 2022 oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (Bah. 1)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia,

Mengawali segalanya, izinkan saya membaca petikan dari surah Al-Baqarah, ayat 148: *"Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia menghadap kepadanya. Maka berlomba-lombalah kalian (dalam membuat) kebaikan. Di mana saja kalian berada, pasti Allah SWT akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat), sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu."*

Berbekalkan mafhum firman Allah SWT ini, menyeru kita agar, melakukan "Fastabiqul Khairat" yakni berlumba-lumba membuat kebaikan, sama ada kebaikan itu untuk diri kita, keluarga kita, waima kebaikan untuk pejabat kita, demi kepentingan Negeri Melaka yang terdini ini.

Apatah lagi di kala rakyat sedang susah, kita berdepan dengan ujian demi ujian, dengan pandemiknya, banjir dan sebagainya, yang sudah barang pasti, kita mesti berlumba-lumba bagi menawarkan bantuan dan pertolongan, dalam pelbagai bentuk serta perkhidmatan.

Lalunya azam tahun ini, boleh sama-sama kita berlumba-lumba buat kebaikan? "Fastabiqul Khairat" demi rakyat dan negeri? Boleh semua? Boleh? Alhamdulillah,...

Saudara dan saudari, para penjawat awam yang dikasihi sekalian,

Hari ini, YAUMUL ITHNAIN, yakni Isnin, tanggal 10 Januari 2022, bersamaan 7 Jamadil Akhir 1443 Hijriyyah, iaitu hari ke-10, kita masih hidup menghirup nafas segar, 'sehela demi sehela', memasuki 2022 tahun baharu masehi.

Atas takdir Allah SWT jua, Alhamdulillah, Tuhan beri saya peluang untuk bersama-sama saudara saudari, di permulaan tahun baharu, bagi tahun kedua.

Seingat saya, setahun yang lepas, pada 11 Januari 2021, di hadapan 400 penjawat awam, saya berdiri secara 'face to face' dalam majlis Amanat Tahun Baharu 2021.

Ternyata, kini sedikit berbeza, Amanat Tahun Baharu 2022 disampaikan secara hybrid, di mana di hadapan saya, hanya ada 200 orang sahaja ketua-ketua jabatan... manakala selebihnya... saya diberitahu... sekitar 20,000 orang, sedang menyaksikannya secara di atas talian, sama ada secara Video Conference mahupun FB live...

Saudara dan saudari,

Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Melaka, kita merakamkan penghargaan kepada mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, YBhg. Dato' Ts. Kamel Mohamad, atas segala khidmat bakti yang telah beliau curahkan di Negeri ini. Semoga beliau terus maju jaya bertugas di tempat baharu.

Di sini, saya ingin mengalu-alukan YB Datuk Zaidi bin Johari, sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu. Saya yakin, dengan pengalamannya yang luas dalam perkhidmatan awam selama ini, YB Datuk mampu membantu saya dan Kerajaan, memimpin serta mewakili warga penjawat awam negeri dan persekutuan di Melaka ke mercu kejayaan, yang kini, jumlahnya mencecah 55,044 orang.

Syahadan, sebagai terima kasih dan penghargaan, diucapkan selamat bertugas, seraya kita berikan tepuk penghormatan kepada kedua-duanya!

Para Penjawat Awam yang dikasihi,

Diam tak diam, sudah hampir 2 tahun kita 'bertempur' melawan pandemik COVID-19. Bermacam cara dan usaha telah kita lakukan untuk mengengkang penularannya.

Percayalah, dalam menghadapi "the new norm" ini, selain terus patuh SOP ditetapkan, kita takkan sesekali berputus asa, malah kita akan terus berjuang sampai berjaya dengan Hashtag, #MelakaMestiMenangCOVID19.

Hasilnya, berkat usaha gigih semua

pihak, seramai 631,485 orang atau 93.2 peratus populasi dewasa di Melaka telah lengkap menerima vaksin. Pada masa yang sama, 52.8 peratus daripada yang layak atau telah cukup tempoh, telah menerima dos penggalak masing-masing.

Kepada penjawat yang terlibat dalam ikhtiar ini, tahniah saya ucapkan!

Saudara dan saudari,

Lebih 50 hari yang lalu, pada 4 Oktober 2021, Kerajaan Negeri terpaksa dibubarkan. Manakala Pilihanraya Negeri Melaka Ke-15, terpaksa diadakan awal iaitu pada 20 November 2021, yang puncanya semua kita sudah pun tahu.

Berkat sokongan rakyat Melaka, termasuklah para penjawat awam, syukur kepada Allah SWT, takdir telah menetapkan bahawa, Kerajaan Barisan Nasional telah kembali diberi mandat oleh rakyat untuk memimpin dan mentadbir Negeri ini... bukan lagi dengan 17 kerusi, malah, 21 Kerusi Dewan Undangan Negeri.

Ini bermakna... InsyaAllah, Barisan Nasional akan memimpin sebuah Kerajaan stabil, yang bukan setakat mendapat majoriti dua pertiga 2/3... bahkan mencapai majoriti tiga per empat 3/4!

Saudara dan saudari,

Lantaran itu, saya mewakili kesemua 21 Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, termasuk 10 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dari hati yang mendalam, amat terutang budi kepada semua pengundi dan seluruh rakyat Melaka... khususnya para penjawat awam, dari sekecil-kecil hinggalah sebesar-besar jawatan, kerana telah memberikan mandat dan kepercayaan sehingga kami mencapai kemenangan besar dalam PRN baru-baru ini.

Saya doakan,...

Tenang-tenang air di kolam, Di laut pula ombak mendesah, Hubungan erat Kerajaan dan Penjawat Awam, Kekal bertaut takkan terpisah.

Bersamalah kita berterima kasih, saling menghargai, serta memberikan tepuk penghargaan kepada semua!

Saudara dan saudari,

Jikapada tahun lalu, saya telah isytiharkan sebagai TAHUN PE-LAK-SANAAN. Maka pada tahun ini pula, saya umumkan adalah TAHUN KECEKAPAN PE-LAK-SANAAN.

Maksudnya... AMANAT TAHUN BAHARU 2022 kali ini dipilih bertepatan, "KECEKAPAN PELAKSANAAN DEMI KE-MAKHMURAN NEGERI MELAKA".

KECEKAPAN PELAKSANAAN ini meliputi aspek Pemantauan, misalnya program-program peningkatan sosioekonomi rakyat, pengurusan pandemik COVID-19, pengurusan bencana dan sebagainya.

Seterusnya aspek Pemulihan Ekonomi, dan Pencapaian Prestasi seperti Petunjuk Prestasi Utama atau KPI serta Sasaran Kerangka Kerja atau SKK.

Apatah lagi, sejak saya mengambil alih tampuk kepimpinan Negeri ini, kita melakukan pelbagai pelan dan inisiatif jangka pendek dan jangka panjang sehingga dibukukan antaranya, kerangka halatuju Melaka Rumahku, Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035, Pelan Smartcity, dan Transformasi Sejahtera 2035 atau TS35, yang kesemuanya bertujuan untuk kesejahteraan rakyat serta kemakmuran Melaka.

Hasilnya, berkat usaha gigih kita bersama, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka terus berada pada tahap terbaik apabila indikator pencapaian utama atau key performance indicator (KPI) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, yang terdiri daripada pengurusan kewangan, tanah, pembangunan sosioekonomi dan pengurusan sumber manusia, berbanding 97.22 peratus pada tahun 2020, kepada sudah mencapai tahap exceed target iaitu 98.60 peratus tahun 2021!

Tepukan syabas saya ucapkan!

Saya berharap pada tahun ini, apatah lagi dah dapat bonus setengah bulan gaji,... sebagai nadi penggerak kepada Pentadbiran Kerajaan, kita akan terus perbaharu azam, tekad dan komitmen, untuk kita mencapai peratusan lebih tinggi daripada yang sekarang sehingga 100 peratus, atau lebih daripada itu! Boleh semua? Boleh? Terima kasih!

KEDUDUKAN INDIKATOR EKONOMI

Saudara dan saudari,

Seerti disedari, krisis kesihatan akibat pandemik COVID-19, telah memberi impak ketara kepada persekitaran ekonomi dunia termasuklah Malaysia.

Natijahnya, Negeri Melaka mencatatkan penyusutan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), daripada RM43.6 bilion iaitu positif 2.9 peratus pada 2019 kepada RM41.03 bilion iaitu negatif 5.9 peratus pada tahun 2020.

Malah, kesemua sektor ekonomi di negeri Melaka menunjukkan penurunan, kecuali sektor pertanian yang merekodkan pertumbuhan positif 3.7 peratus.

Bahkan, wabak COVID-19 juga menyebabkan rakyat kehilangan sumber mata pencarian secara drastik, yang memberi kesan kepada peningkatan kadar pengangguran di Melaka, iaitu, daripada 2.2 peratus pada 2020 kepada 3.0 peratus sehingga suku tahun ketiga 2021, berbanding kadar pengangguran Malaysia, yang masing-masing 4.5 peratus kepada 4.7 peratus bagi tempoh yang sama.

Walau bagaimanapun, pelbagai inisiatif telah dilakukan, di mana, tahun 2021 mula menunjukkan sinar positif dalam beberapa indikator ekonomi negeri seperti pelaburan, sektor pelancongan dan juga kelulusan projek-projek pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, kita telah mengadakan 3 siri Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka 2021, Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya) dan Program Pekerjaan Jangka Pendek Malaysia (MYSTEP), yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Program ini melibatkan penyertaan 95 majikan, yang dihadiri seramai 1,523 pencari kerja. Sehingga 30 Disember 2021, Alhamdulillah, lebih 300 orang rakyat Melaka telah ditawarkan pekerjaan dan 779 orang layak ke peringkat kedua temuduga.

Pada tahun ini pula, Karnival Kerjaya akan diadakan di kawasan-kawasan luar bandar. Konsep ini adalah untuk mendekati masyarakat yang berada di kawasan luar bandar mendapat peluang pekerjaan dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

Untuk itu, bagi menghargai UPEN, Institut Tun Perak (ITP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam penganjuran ini, silalah kita beri tepukan tahniah buat mereka!

OVERVIEW PENCAPAIAN PSMJ 2035

Saudara saudari,

Berhubung pencapaian Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035 pula, melibatkan 31 Strategi, 130 Quick Wins dan 64 Symbolic Actions, di bawah 8 Flagship PSMJ 2035 iaitu:

- Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ);
- Pengurusan Air Mampan;
- Pembangunan Bersasar;
- Digital Melaka;
- Melaka Negeri Usahawan;
- Melaka Negeri Pelancongan;
- Melaka Hub Pendidikan; dan
- Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kesihatan, Kebajikan dan Bela & Sukan);

Maka sukacitanya saya maklumkan, sehingga 30 Disember 2021, pencapaian keseluruhan PSMJ 2035 adalah 91 peratus! Tahniah semua!

Saudara saudari,

Kerajaan Melaka turut bersimpati dan berdukacita di atas bencana banjir yang melanda dan saya bersama dengan Ahli-Ahli Berhormat serta pelbagai agensi Kerajaan berkaitan, telah turun padang membantu

mereka yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Tambahan, antara yang menjadi tumpuan utama kita sejak dua bulan lepas adalah mengurangkan masalah banjir di Melaka, terutamanya dari bulan November hingga Mac setiap tahun.

Saya berharap agar, semua yang kita rancang akan dapat mengatasi atau setidaknya tidaknya mengurangkan kesan akibat banjir ini.

Berikut adalah sebahagian daripada inisiatif kita dalam mengatasi masalah banjir ini:

Satu: Sebanyak 404 projek-projek kecil berbentuk jangka pendek seperti naiktaraf parit, longkang dan lain-lain yang berkaitan bernilai RM40.37 juta dilaksanakan pada 2021, sementara menunggu projek jangka panjang Rancangan Tebatan Banjir (RTB) disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Dua: Kelulusan peruntukan segera berjumlah RM8 juta bagi pelan jangka pendek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Melaka, yang antara lain, bagi mengurangkan kesan bencana di 'Hot Spot' utama banjir di Melaka.

Untuk ini, Kerajaan Melaka menzahirkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kerana telah meluluskan peruntukan segera ini, selain kesudian YAB Perdana Menteri sendiri, melawat mangsa-mangsa dan melihat sendiri kesan tragedi yang berlaku.

Tiga: Tahun 2022, sebanyak 58 projek jangka pendek bernilai RM23.9 juta akan dilaksanakan berdasarkan kelulusan oleh Kementerian Kewangan dan Bajet pembangunan negeri.

Selanjutnya, Kerajaan Negeri turut merakamkan terima kasih di atas kelulusan lapan projek untuk menyelesaikan isu banjir bernilai RM931.2 juta.

Antara projek yang terlibat adalah RTB Sungai Melaka Fasa 1, RTB Sungai Duyong, RTB Bandar Merlimau dan naiktaraf Kolam Tebatan Banjir Krubong sebagai kolam dwifungsi untuk tebatan banjir dan sumber air, yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia.

Saya amat berharap projek-projek tersebut dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-12 ini.

Selain itu, kita telah mengemukakan permohonan projek RTB Sungai Putat dan RTB Durian Tunggal kepada pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) di bawah Rolling Plan 3 (RP3) RMKe-12.

Di bawah pengurusan air mampan, kelulusan projek sumber air juga telah diperolehi dengan kos berjumlah RM1.303 bilion, antaranya projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih di Daerah Alor Gajah, projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka di Tasik Biru, Jasin dan Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus, Daerah Jasin, Melaka.

Saya yakin, dengan pelaksanaan kesemua projek yang telah diluluskan ini, ia dapat memenuhi permintaan bekalan air Negeri Melaka sehingga tahun 2050. InsyaAllah!

Saudara dan saudari,

Menyebut tentang banjir juga, saya ingin berkongsi kisah orang Melaka yang pernah menjadi tular, apabila sanggup meredah kepayahan untuk menyelamatkan mangsa banjir di Shah Alam dan beberapa tempat lain.

Hati saya tersentuh, apabila beliau pergi ke sana dengan menggunakan kereta Viva dan membawa sebuah bot di atas bumbungnya, dengan hanya berbekalkan duit sebanyak RM50. Itupun RM20 digunakan untuk mengisi minyak kereta, dan RM30 lagi, bagi membeli makanan untuk mengalas perut.

Insan berhati mulia yang saya maksudkan ini adalah, Encik Azwan Omar. Beliau ada bersama dengan kita pagi ini. Marilah kita semua zahirkan penghormatan kepada sukarelawan "Hero Orang Melaka" ini, dengan memberi tepukan semangat kepada 'Abang Viva' kita!

>> **Bersambung minggu depan**



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: MATEMATIK

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 3 DAN 4


SUKATAN DAN GEOMETRI
MEASUREMENT AND GEOMETRY

- Teorem Pythagoras / *Pythagoras Theorem* = $c^2 = a^2 + b^2$
- Hasil tambah sudut pedalaman poligon / *Sum of interior angles of a polygon* = $(n - 2) \times 180^\circ$
- Lilitan bulatan = $\pi d = 2\pi r$
Circumference of circle = $\pi d = 2\pi r$
- Luas bulatan = πr^2
Area of circle = πr^2
Panjang lengkok = $\frac{\theta}{360^\circ} \times 2\pi r$
- $\frac{\text{Arc length}}{2\pi r} = \frac{\theta}{360^\circ}$
 $\frac{\text{Luas sektor}}{\pi r^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$
- $\frac{\text{Area of sector}}{\pi r^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1)-MATEMATIK KERTAS 2)

BAHAGIAN A

- Dalam Rajah 1, OABC dan OPQ ialah sektor bulatan dengan pusat O.
In Diagram 1, OABC and OPQR are sector of a circle with centre O.



Rajah 1/ Diagram 1

Diberi bahawa CO = 21 cm dan P ialah titik tengah AO.

Guna $\pi = \frac{22}{7}$, hitung

Given that CO = 21 cm and P is a midpoint of AO. Use

$\pi = \frac{22}{7}$, calculate

- perimeter, dalam cm, bagi rantau berlorek,
the perimeter, in cm, of the shaded region,
 - luas, dalam cm^2 , bagi rantau berlorek.
the area, in cm^2 , of the shaded region.
- Nyatakan sama ada pernyataan berikut adalah benar atau palsu.
State whether the following statement is true or false.

$$\sqrt[4]{1296} = 6 \text{ dan } \{1,2\} \cap \{1,3\} \subset \{1,2,3\}$$

$$\sqrt[4]{1296} = 6 \text{ and } \{1,2\} \cap \{1,3\} \subset \{1,2,3\}$$

- Tulis Premis 2 untuk melengkapkan hujah berikut.
Write down Premise 2 to complete the following argument.

| | |
|---------------------------------|--|
| Premis 1 <i>Premise 1</i> | Jika segitiga adalah bersudut tegak, maka terdapat satu daripada sudut segitiga itu bersudut 90° . <i>If a triangle is right angle, then there is one of the triangle's angles is 90°.</i> |
| Premis 2 <i>Premise 2</i> | |
| Kesimpulan <i>Conclusion</i> | Segitiga K bukan bersudut tegak. <i>Triangle K is not right angle.</i> |

- Buat satu kesimpulan umum secara aruhan untuk turutan nombor -2, -10, -24, -44, ... yang mengikut pola yang berikut.

Make a general conclusion by induction for the sequence of numbers

-2, -10, -24, -44... which follows the following pattern.

$$-2 = 1 - 3(1)$$

$$-10 = 2 - 3(4)$$


$$-24 = 3 - 3(9)$$

$$-44 = 4 - 3(16)$$

JAWAPAN

Soalan 1 (a)

Bagi mendapatkan perimeter kawasan berlorek, pelajar perlu mengira panjang lengkok AC dan PQ. Sudut, θ perlu di kira terlebih dahulu. Diberi



Maka, $\theta = \angle AOC = 180^\circ - 35^\circ = 145^\circ$.

Menggunakan formula (5) dan jejari, $j = CO = AO = 21 \text{ cm}$

$$\frac{\text{Panjang lengkok AC}}{2\pi j} = \frac{\theta}{360^\circ}$$

$$\frac{\text{Panjang lengkok AC}}{2\left(\frac{22}{7}\right)(21)} = \frac{145^\circ}{360^\circ}$$

$$\text{Panjang lengkok AC} = \frac{145^\circ}{360^\circ} \times 2\left(\frac{22}{7}\right)(21)$$

$$= 53.167 \text{ cm.}$$

Bagi jejari OP, diberi P ialah titik tengah, maka

$$OP = \frac{OA}{2} = \frac{21}{2} = 10.5 \text{ cm.}$$

Menggunakan formula (5) sekali lagi dan

$$\angle AOC = \angle POQ = 145^\circ,$$

$$\frac{\text{Panjang lengkok PQ}}{2\pi j} = \frac{\theta}{360^\circ}$$

$$\frac{\text{Panjang lengkok PQ}}{2\left(\frac{22}{7}\right)(10.5)} = \frac{145^\circ}{360^\circ}$$

$$\text{Panjang lengkok PQ} = \frac{145^\circ}{360^\circ} \times 2\left(\frac{22}{7}\right)(10.5)$$

$$= 26.583 \text{ cm.}$$

Perimeter kawasan berlorek, ABCQP ialah hasil tambah panjang lengkok AC, panjang CQ, panjang lengkok QP dan panjang PA.

$$OP = PA = CQ = QO = 10.5 \text{ cm.}$$

$$\text{Perimeter kawasan berlorek} = AC + CQ + QP + PA$$

$$= 53.167 + 10.5 + 26.583 + 10.5$$

$$= 100.75 \text{ cm.}$$

Soalan 1 (b)

Bagi mendapatkan luas kawasan berlorek, pelajar perlu mengira luas sektor AC dan PQ. Menggunakan sudut yang diperoleh dari 1(a), $\theta = \angle AOC = 145^\circ$, formula (6) dan jejari, $j = CO = AO = 21 \text{ cm}$,

$$\frac{\text{Luas sektor AC}}{\pi j^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$$

$$\frac{\text{Luas sektor AC}}{\frac{22}{7}(21)^2} = \frac{145^\circ}{360^\circ}$$

$$\text{Luas sektor AC} = \frac{145^\circ}{360^\circ} \times \frac{22}{7}(21)^2$$

$$= 558.25 \text{ cm}^2.$$

Menggunakan formula (6) sekali lagi dan $\angle AOC = \angle POQ = 145^\circ$,

$$\frac{\text{Luas sektor PQ}}{\pi j^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$$

$$\frac{\text{Luas sektor PQ}}{\frac{22}{7}(10.5)^2} = \frac{145^\circ}{360^\circ}$$

$$\text{Luas sektor PQ} = \frac{145^\circ}{360^\circ} \times \frac{22}{7}(10.5)^2$$

$$= 139.563 \text{ cm}^2.$$

Memandangkan sektor AB lebih besar berbanding PQ, maka luas kawasan berlorek boleh diperolehi dengan menolak luas AB dengan luas PQ.

$$\text{Luas kawasan berlorek} = \text{Luas sektor AC} - \text{luas sektor PQ}$$

$$= 558.25 - 139.563$$

$$= 418.687 \text{ cm}^2.$$

Soalan 2 (a)

Suatu pernyataan majmuk 'dan' adalah benar apabila kedua-dua pernyataan asas adalah benar. Diberi

Penyataan pertama $\sqrt[4]{1296} = 6$ adalah benar.

Penyataan kedua $\{1,2\} \cap \{1,3\} \subset \{1,2,3\}$ adalah benar kerana persilangan $\{1,2\} \cap \{1,3\} = \{1\}$ dan $\{1\} \subset \{1,2,3\}$.

Maka, pernyataan majmuk ini adalah benar.

Soalan 2 (b)

Bagi menentukan premis 2, pelajar perlu mengenalpasti dua pernyataan asas

Penyataan 1: segitiga adalah bersudut tegak.

Penyataan 2: terdapat satu daripada sudut segitiga itu bersudut 90° .

Kemudian, pelajar perlu membandingkan pernyataan asas dengan kesimpulan.

Kesimpulan : Segitiga K bukan bersudut tegak.

Didapati kesimpulan berkait dengan pernyataan pertama dengan tambahan nama segitiga (K) dan ayat penafian (bukan). Maka, premis 2 perlu dijawab dengan

Premis 2: Tidak terdapat satu daripada sudut segitiga itu bersudut 90° .

Soalan 2 (c)

Satu kesimpulan umum secara aruhan boleh didapati dengan melihat perkaitan di sebelah kanan

$$1 - 3(1)$$

$$2 - 3(4)$$

$$3 - 3(9)$$

$$4 - 3(16)$$



Memandang dari atas ke bawah, pelajar akan dapat melihat perubahan nilai 1, 2, 3, 4 dan 1, 4, 9, 16.

Didapati, $1 = 1^2, 4 = 2^2, 9 = 3^2, 16 = 4^2$. Maka persamaan diatas boleh ditulis semula sebagai,

$$1 - 3(1^2)$$

$$2 - 3(2^2)$$


$$3 - 3(3^2)$$

$$4 - 3(4^2)$$

dan 1, 2, 3, 4 diwakili sebagai x, maka kesimpulan yang diperolehi secara aruhan adalah

$$x - 3x^2, \quad x = 1, 2, 3, \dots$$

Marhaen: Sukarno's Decolonized Icon



MARHAENISM had appropriated for Sukarno a national theoretical concept in shaping the genesis of Indonesian political decolonization.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

AFTER graduating as an *Ingenieur* (Engineer) in 1926, Sukarno spent time on the possibilities opened to him. He refused two government appointments. Instead, he accepted a post in the Ksatriya Institute School run by his mentor, Ernest F. E. Douwes Dekker; not to be mistaken for Eduard Douwes Dekker in the history of Indonesian nationalism, later to be known as Setiabudi famous for his 19th century novel *Max Havelaar*. In his work, Eduard was known for his damning indictment of the administration of the Cultivation System. Eduard was the grand-uncle of Ernest.

In Ernest Douwes Dekker's school, Sukarno taught history. In his *Autobiography as Told to Cindy Adams* (1963), he admitted that his inflammatory style of teaching history brought him up sharply against a visiting Education Department Inspector and led to the termination of his appointment.

Apart from Dekker, the other mentors were Tjokroaminoto and Tan Malaka. Sukarno was a consumer of European history. In his teens beginning 1917, he began to expose himself to European history and a wide range

of political thought. He read on democracy, to Fabianism, to Marxism and the history of European socialism. According to Australian historian J.D. Legge in *Sukarno: A Political Biography* (1972), Sukarno's exposure to such ideas have in different ways contributed to his thought in building the nation state of Indonesia.

Sukarno claimed to have sampled Hegel, Kant and Rosseau. Also Voltaire. Classical Western problems such as the proper role of the state in economic life, or the respective limits to authority and individual liberty would hardly have seemed relevant to him. According to Legge, Sukarno was aware of colonial rule and able to grapple with the conditions of economic domination of the Indies.

Significantly, Sukarno's concept of freedom was of national emancipation rather than the liberty of the individual. In his study of history, he was drawn by two themes: accounts of national struggles for freedom, and the history of working-class organization in Europe. Sukarno fairly understands imperialism as a system of power from the Marxism of Alimin and Semaun. It was the primacy of nationalist revolution overriding all other considerations of social conflict, binding the people of the Indies.

Sukarno's struggle against colonialism, imperialism and domination set the background to the concept of 'Marhaenism.' Sukarno was earlier much alert to the relevance of the concept of 'proletariat.' The social circumstances of an agrarian society cannot be framed as such, he reminded us. In his 1957 speech to the 30th anniversary meeting of the Partai Nasional Indonesia in Bandung (cited in Legge), he made a pertinent distinction between proletariat and marhaen. The proletariat, he said, were workers who do not

“ Sukarno's struggle against colonialism, imperialism and domination set the background to the concept of 'Marhaenism.' Sukarno was earlier much alert to the relevance of the concept of 'proletariat.' ”

participate in ownership of the means of production.

But our nation, Brothers and Sisters, is composed of tens of millions of people not all of whom are covered by the term proletariat. These are great numbers indeed who are not labourers, very many who do not sell their labour-power to others.

Within that framework, the proletariat do not have rights of ownership, whether of ploughs, of hoes, of buffaloes or of wares they sold at their street stalls. They were the 'little people,' poor but not proletarians. Sukarno argued that any social doctrine should give a central place to the presence of such people and to their needs, instead of borrowing an arid concept from a totally different situation. This is how we can see Sukarno decolonizing his political struggles. The 'little people' are the 'Marhaen.' Legge reproduces Sukarno's version on the origin of the name. It was in a meeting with a peasant farmer near Bandung. He saw the farmer tilling his field and engaged him in a conversation.

"Who owns this field?" asked Sukarno. "I do," replied the farmer. "And the hoe, who owns that?" "I do." "These tools, who owns them?" "I do." "The crop on which you are working, for whom is it?" "For me." "Is it sufficient for your needs?" "There's barely enough to keep us alive." "Do you ever sell your labour?" "No, I must work hard, but my labours

are all for myself." "But brother, you live in poverty." "That's right. I live poorly."

Sukarno then thought to himself that the man clearly and certainly was not a member of the proletariat. He was a pauper, poor, and suffered much. What is significant to Sukarno was that the man did not sell his labour-power to another without participating in ownership of the means of production. He then asked the farmer his name. And was told 'Marhaen.'

It was suggested by some that Sukarno invented the conversation. It never took place. What has happened is that the official version lived on becoming the official legend. True or not, Sukarno had already articulated the concept from as early as the 1920s. Marhaenism had appropriated for Sukarno a national theoretical concept in shaping the genesis of Indonesian political decolonization.

NEXT WEEK:
Stories from the Verandas

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IUUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

Latih OKU mahir bidang kemahiran

Din Ahmad

LENDU - Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Seri Malindo di sini, berbangga dengan langkah kerajaan negeri menaik taraf PPDK itu sebagai pusat latihan kemahiran OKU di Melaka.

Pengerusinya, Hanafiah Othman, 62, berkata PPDK Seri Malindo sebagai pemilik Koperasi Usaha Sama Pemulihan Dalam Komuniti kini sedia menerima lebih ramai pelatih OKU berusia lebih 18 tahun untuk mendapatkan ilmu kemahiran.

"PPDK Seri Malindo berfungsi sebagai sekolah untuk pelatih OKU menimba pelbagai ilmu sebelum dimasukkan ke bengkel kemahiran di koperasi untuk berlatih membuat pelbagai kerja kemahiran.

"Antara kemahiran yang disediakan ialah menjahit beg kain berasaskan batik, kanvas, polyster dan songket serta menyulam dengan menggunakan mesin," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Hanafiah berkata, setakat ini koperasi itu mempunyai 25 mesin jahit dan satu mesin sulam dan ia akan dipertingkatkan sejajar pertambahan pelatih OKU.

Katanya, pelatih dibimbing empat tenaga pengajar di bengkel berkenaan menerima gaji berdasarkan produk dihasilkan sebagai tambahan kepada elaun bulanan RM450 disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Baru-baru ini mereka menyalurkan 4,000 pelitup muka, produk kraftangan mereka dibawa menyertai pameran dan jualan di 'Em-

powering Lives, Engaging Hearts – UNESCO' di Paris, Perancis," katanya.

Hanafiah yang pernah dipilih sebagai Pengerusi Cemerlang PPDK Kebangsaan 2016 berkata, PPDK Seri Malindo dipilih sebagai PPDK Cemerlang Kebangsaan 2021.

Sementara itu, Exco Pembangunan Keluarga negeri, Datuk Kalsom Nordin menyarankan Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Melaka mencontohi kejayaan PPDK Seri Malindo, di sini yang memajukan kemahiran golongan OKU.

Beliau berkata, kerajaan negeri sentiasa menyediakan pelbagai kemudahan untuk meningkatkan kemahiran OKU sejajar konsep perkongsian nikmat kehidupan anggota masyarakat normal dengan OKU.



KALSOM (kiri) melihat kemahiran OKU menjahit di PPDK Seri Malindo.

Kudrat anak muda bantu mangsa banjir

Faiz Hasan

DURIAN TUNGGAL - Prihatin dengan musibah banjir yang melanda Kampung Belimbing Dalam, sekumpulan anak muda dari Durian Tunggal terpanggil membantu meringankan beban ditanggung mangsa.

Misi itu dijalankan Kumpulan Anak-anak Muda Durian Tunggal sejak gelombang pertama banjir pada Dis lalu dan diteruskan pada musibah yang berlaku awal tahun ini.

Ketua kumpulan itu, Muhammad Asyraf Azman, 23, berkata, dengan kerjasama swasta iaitu, Benojaya Group Sdn Bhd, mereka telah tampil memberikan bantuan berupa tenaga kerja, di samping sedikit sumbangan kepada mangsa terkesan.

"Alhamdulillah dengan tenaga anak muda sekitar 15 orang sedikit sebanyak membantu penduduk di kawasan ini dan kita meny-



sarkan misi bantuan ini akan diteruskan di sekitar daerah Alor Gajah demi membantu penduduk terlibat.

"Kita harap satu hari nanti lebih ramai anak muda dan remaja di negeri ini untuk bersama menyertai misi ini agar ia dapat diperluaskan ke seluruh kawasan terjejas banjir di Melaka," katanya ketika ditemui pemberita selepas menjalankan misi banjir di

Jalan Bunga Melor, di sini, 12 Jan lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Benojaya Group Sdn Bhd Datuk Muhammad Afiq Ikhwan dan Pengarah Benojaya Group

Sdn Bhd, Ong Chong Beng.

Muhammad Afiq berkata, usaha yang dilakukan menunjukkan komitmen dan keperihatinan tinggi anak muda kampung itu untuk membantu mereka

yang terjejas.

Menurutnya, selain gotong-royong membersihkan rumah, bantuan itu juga diteruskan dengan mengagihkan bantuan perkasas elektrik dan kit makanan.



SEKUMPULAN anak muda menjalankan kerja-kerja pembersihan di rumah mangsa banjir di Kampung Belimbing Dalam.

Rumah Teres 2 Tingkat Taman Bukit Beruang Indah

Keluasan:
20' x 70'
142 Meter
Persegi

Rumah
Mampu
Milik

4
Bilik Tidur
3
Bilik Air

興地發展有限公司
HAMPSTEAD
DEVELOPMENT SDN BHD (212218-M)

Hampstead Development Sdn Bhd
No. 1A-9, Jalan Kesidang 3/11, Bachang Mall,
Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka.

www.chiphock.com / hampsteadsb@gmail.com / 06-3372505/7/9

RM360,000



DR. Shankar Gunarasa



SEBELUM ini saya ada menulis berkaitan pundi hempedu dan juga masalah batu hempedu. Sebagai imbasan untuk para pembaca, pundi hempedu adalah organ yang terletak bersebelahan atau di bawah organ hati. Ia berfungsi sebagai 'kilang' penyimpan hempedu (bile) yang di hasilkan di hati.

Hempedu penting untuk penyerapan dan pencernaan lemak. Apabila makanan yang sedang dicerna melalui bahagian usus kecil (duodenum), hormon yang dipanggil Cholecystokinin dilepaskan bagi merangsang pembebasan hempedu. Kandungan hempedu ini terdiri daripada air, lemak, kolesterol, protein dan bilirubin. Batu pundi hempedu yang terjadi terdiri daripada dua jenis iaitu batu kolesterol dan batu hempedu pigmen.

Batu hempedu boleh menyebabkan jangkitan dan keradangan di pundi hempedu, dinamakan Acute Cholecystitis. Sekiranya ini berlaku, pesakit terpaksa mendapat rawatan antibiotik untuk mengurangkan keradangan di pundi hempedu dan di pantau selama 48 hingga 72 jam.

Ada kalanya pundi hempedu boleh bernanah atau dalam istilah perubatan '*Gall Bladder Empyema*' dan kerap berlaku kepada pesakit menghidapi masalah kencing manis. Sekiranya ini berlaku, pembedahan cholecystectomy terpaksa di lakukan untuk membuang pundi hempedu yang di jangkiti atau bernanah.



Laparoskopi Cholecystectomy: Bilakah pundi hempedu perlu dikeluarkan?

Sebelum mengeluarkan pundi hempedu ini, bagaimanakah doktor dapat mengenal pasti masalah keradangan pundi hempedu daripada masalah masalah yang lain? Biasanya doktor akan memeriksa secara fizikal abdomen pesakit dan selepas itu akan menjalankan beberapa ujian antaranya:

- Ujian darah untuk mengenal pasti jangkitan kuman.
- Ujian radiologi seperti ultrasound abdomen atau CT

scan abdomen untuk melihat tahap keradangan pundi hempedu, mengenal pasti jika ada nanah di pundi hempedu atau juga melihat batu hempedu di saluran hempedu.

- ERCP (Prosedur ini dilakukan sekiranya pesakit mempunyai batu hempedu tersekat di saluran hempedu).

Bagaimana pembedahan laparoskopi cholecystectomy dilakukan dan apakah kesan sampingan dari pembedahan ini? Pembedahan cholecystectomy ini semangnya rumit jika pakar bedah tidak dapat melakukan dengan cermat, komplikasi boleh berlaku. Pundi hempedu terletak di hujung saluran cystic duct yang bercabang dari saluran bile utama dari hati iaitu 'common bile duct' atau ringkasannya CBD. CBD ini boleh menyebabkan kecederaan dari penggunaan peralatan laparoskopi, kesan haba dari diathermy atau mengilip CBD secara tidak sengaja. Ia boleh mengakibatkan kebocoran bile ke dalam abdomen dan menyebabkan peritonitis.

Untuk mengelakkan kecederaan berlaku di CBD, biasanya OTC (on table cholangiogram) dilakukan untuk melakarkan kedudukan CBD melalui 'x-ray dye' yang disalurkan melalui tiub kecil di cystic duct. Dengan lakaran ini, pakar bedah dapat mengelakkan dari mencederakan saluran CBD semasa pembedahan.

Saya di Pantai Hospital Ayer Keroh sentiasa melakukan OTC semasa pembedahan laparoskopi cholecystectomy bagi semua pesakit untuk mengelakkan kecederaan CBD berlaku. Juga saluran di hati seperti cytic arteri dan hepatic arteri perlu di jaga. Ia boleh menyebabkan pendarahan yang boleh merumitkan pembedahan tersebut, lebih-lebih lagi arteri

sebesar hepatic arteri. Inilah kerumitan yang perlu difahami untuk setiap pakar bedah semasa menjalankan pembedahan laparoskopi cholecystectomy ini.

Ramai juga pesakit saya tertanya-tanya jika pundi hempedu dikeluarkan, apakah komplikasi di badan kita? Seperti yang telah saya huraikan tadi, pundi hempedu bersifat sebagai 'kilang' untuk menyimpan cecair hempedu. Apabila 'kilang' tersebut di keluarkan, cecair hempedu akan terus mengalir ke usus kecil kita dan menyebabkan kesan sampingan sementara seperti cirit-birit. Selain itu pesakit akan menghadapi pembuangan gas berlebihan, makanan lemak yang susah di hadamkan, berasa loya, muntah dan ada segelintir pesakit akan menghidapi sakit abdomen.

Fenomena ini di namakan '*post cholecystectomy syndrome*' yang akan reda dalam jangka masa yang pendek. Kebanyakan pesakit dapat pulang ke rumah dalam masa 24 jam pembedahan untuk terus pulih di rumah dan kembali ke aktiviti harian normal mereka dalam masa kurang seminggu. Aktiviti yang lebih berat mungkin memerlukan masa penyembuhan yang lebih lama. Peraturan kecil pesakit memerlukan diet rendah lemak, tinggi serat dalam beberapa minggu pertama selepas pembedahan untuk mencegah ketidakselesaan dan cirit-birit selepas makan.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut mengenai masalah pundi hempedu dan memerlukan pembedahan laparoskopi cholecystectomy, anda boleh berhubung dengan **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131 atau no.whatsapp Klinik Dr Shankar Gunarasa +6014 363 9705.**



26 kereta ubah suai enjin, ekzos disita

'Menangislah balik Kedah'

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Seorang pekerja kilang sanggup membelanjakan RM10,000 wang tuntutan insurans diperolehi akibat kemalangan bagi mengubah suai Honda

Civic miliknya untuk kepuasan diri dan menonjolkan kelainan.

Namun, tindakan lelaki berusia 22 tahun berasal dari Sik, Kedah itu mengundang padah apabila dia bersama rakan-rakan-

nya ditahan dalam Op Samseng Jalan diadkan sekitar Melaka, 7 Jan lalu.

Dia yang mahu dikenali sebagai Nizal berkata, kerejanya itu siap diubahsuai sebulan lalu sebelum mengambil keputusan 'merasmi-

kannya' dengan berkonvoi ke Melaka.

Bagaimanapun, dia dan rakan-rakan terpaksa akur apabila ditahan dalam operasi terbabit, selain turut dikenakan saman berjumlah RM900.

"Apa nak buat, nasib badan, balik kedah menangislah, saman banyak," ujarnya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, menerusi Op Samseng Jalan dijalankan di tiga lokasi iaitu Klebang, Sungai Putat dan Gangsa itu, sebanyak 26 kereta disita.

Katanya, ia membabitkan 16 buah PROTON Satria dan 10 Hondayang enjinnya diubah suai dipercayai untuk kegiatan lumba haram.

"Antara kesalahan dikenakan pengubahsuaian enjin dan ekzos, cermin gelap serta tiada cukai jalan.

"Mereka ini semua masuk ke Melaka kerana mahu menjadikan negeri ini sebagai litar lumba," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Bukit Beruang, di sini, 10 Jan lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Muhammad

Firdaus Shariff dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Rosli Osman.

Mengulas lanjut, Abdul Majid berkata dalam operasi itu, pihaknya mengeluarkan 30 saman dengan nilai RM11,300 ke atas pemilik kereta terbabit manakala semua kenderaan itu disita untuk tindakan selanjutnya.

"Saman dikeluarkan pihak polis di bawah Seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Alam Sekitar.

"Kesemua kereta yang disita itu akan menjalani pemeriksaan sepenuhnya oleh JPJ dan JAS," katanya.



ANTARA kenderaan yang disita dalam Op Samseng Jalan dipercayai terbabit dalam kegiatan lumba haram.



ABDUL Majid (kanan) menunjukkan antara suspek ditahan dalam serbuan membabitkan sindiket tipu kerja dalam talian.

Pasangan kekasih dalang sindiket tipu kerja

AYER KEROH - Sindiket penipuan tawaran kerja dalam talian membabitkan kerugian lebih RM460,000 tumpas susulan penahanan tujuh individu termasuk sepasang kekasih dalam empat serbuan berasingan 4 dan 5 Jan lalu.

Serbuan dijalankan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka menahan lima lelaki dan dua wanita termasuk seorang warga Vietnam berusia antara 21 hingga 40 tahun di Alor Gajah dan Selangor.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang lelaki berusia 30 tahun 21 Nov lalu mendakwa dijanjikan tawaran kerja oleh sepasang kekasih memperkenalkan diri mereka Amir dan Berry.

Katanya, bagi mendapatkan kerja, pasangan kekasih itu meminta mangsa menyerahkan kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) beserta nombor pin.

"Dalam masa sama, mangsa turut diminta untuk mencari rakan atau kenalan mahu mencari kerja sebelum lima rakan mangsa yang beminat dengan tawaran kerja itu menyerahkan kad ATM dan nombor akaun masing-masing.

"Susulan itu, mangsa dibawa oleh dua

orang lelaki dikenali Yusri dan Naufal ke sebuah di Seri Kembangan, Selangor sebelum mengesyaki dua suspek berkenaan melakukan kegiatan penipuan menggunakan kad ATM," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), di sini, 11 Jan lalu.

Mengulas lanjut, Abdul Majid berkata, dalam serbuan itu, polis turut merampas 58 keping kad ATM pelbagai bank, telefon bimbit dan wang mata asing.

"Siasatan lanjut mendapati sindiket ini dipercayai didalangi suspek warga China yang masih diburu dengan menjalankan kegiatan penipuan sejak Oktober tahun lalu dengan mencari mangsa untuk dijadikan sebagai kelai akaun bagi membolehkan kegiatan penipuan tawaran kerja dijalankan.

"Hasil semakan mendapati semua suspek mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan jenayah dan dadah," katanya.

Beliau berkata, dengan penahanan semua individu berkenaan, JSJK Melaka berjaya menyelesaikan 36 kes penipuan dalam talian di seluruh negara membabitkan kerugian dianggarkan berjumlah RM466,380 dan di Melaka sahaja terdapat tiga kes dengan kerugian sebanyak RM26,069.22.

Jelasnya, kesemua suspek direman pada 4 hingga 11 Jan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan.

BANDAR BARU SUNGAI UDANG, MELAKA

(BELAKANG KFC)

RUMAH TERES 1 TINGKAT

24'x65' | 24'x84'

DARI RM296,000.00



RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT

60' x 70'

DARI RM472,000.00



KEDAI 2 TINGKAT

26' x 65'

DARI RM548,000.00

CENGAL PADU SDN BHD

G-26, Jalan KPMJ 3, Kompleks Perniagaan Musai Jaya, 75400 Melaka

06-264 4212 | 016-661 5783 | <http://www.wasap.my/60166615783>

Bufet Ramadan di bulan Januari



SUP Tulang Utara hasil air tangan Chef Mohamad Sabri.

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Sekadar mengem-
balikan nostalgia berbuka puasa dalam
bulan Ramadan, Hotel Ames tidak
menyangka ilham menyediakan bufet
Ramadan mendapat sambutan meng-
galakkan.

Masih berkonsepkan Selera Ser-
antau sebagaimana tema bufet Rama-
dan tahun lalu, cetusan idea itu berjaya
meraih lebih 500 tempahan dalam tem-
poh dua hari pada 8 dan 9 Jan lalu.

Penolong Pengurus Eksekutif
Ames Hotel, Nurashiken Zainal ber-
kata, idea itu tercetus apabila menerima
tempahan daripada sekumpulan pen-
gunjung yang mahu menempah slot
makan malam di The Munch, Hotel
Ames.

Rentetan itu pihaknya mendapat
idea untuk menganjurkan acara makan
malam secara bufet sekali gus dapat
menarik perhatian pengunjung lain
untuk menikmati hidangan makan
malam bersama rakan ataupun ke-
luarga di lokasi sama.

"Pengunjung di seluruh negara ter-
masuk Melaka ada yang sudah lama
tidak menikmati 'dine in' secara bufet,
jadi kenapa tidak kita menyediakan
konsep berkenaan dalam masa dua
hari.

"Alhamdulillah, dalam tempoh itu
Hotel Ames berjaya mendapatkan tem-

pahan lebih 150 orang untuk hari per-
tama (8 Jan) dan kira-kira 260 orang
pada hari kedua (9 Jan)," katanya
ketika ditemui Melaka Hari Ini, di sini.

Sementara itu, Eksekutif Sous Chef
Mohamad Sabri Mohamad Mahtar ber-
kata, seramai 15 kakitangan bertung-
kus-lumus menyiapkan juadah
berkonsepkan Selera Serantau selain
menghias gerai makanan dengan deko-
rasi suasana Hari Raya.

"Dengan tempahan berharga
RM80 bagi setiap seorang, pengunjung
boleh menikmati 260 juadah bermula
daripada hidangan pembuka selera, hi-
dangan utama dan pencuci mulut.

"Konsep kali ini sama seperti
bufet Ramadan tahun lalu iaitu men-
yediakan hidangan tradisional Me-
layu dan kali ini kita menyediakan sup
tulang utara sebagai tarikan utama se-
lain Laksa Melaka serta makanan
Timur Tengah di 'Arabic Corner',"
katanya.

Dalam pada itu, tinjauan Melaka
Hari Ini mendapati pengunjung keli-
hatan 'sporting' mengenakan pakaian
tradisional bagi memeriahkan suasana
umpama bulan Ramadan dan Hari
Raya walaupun umat Islam hanya
akan menyambutnya beberapa bulan
lagi.

Selain itu, pengunjung juga turut
dihiburkan dengan persembahan
gamelan dan lagu tradisional Melayu.



**PILIHAN
RUANG IKLAN
TERBAIK 2022**

MELAKA HARI INI

**TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936**

- 
AUTOMOTIF
 Kereta
 Motosikal
 Trak
 Bas
 Lori
- 
HARTANAH
 Perumahan
 Rumah Kedai
 Lot Tanah
- 
KERJAYA
 Sepenuh masa
 Separuh masa
 Latihan
 Skim Graduan
- 
**KLASIFIKASI
AM**
 Perkhidmatan
 Kecantikan
 Kesihatan
 Perabot
- 
NOTIS
 Lelangan
 Guaman
 Kewangan
 Tender
 Notis Am



DUN Pantai Kundor

Tiga misi Kak Ina

ISU nelayan Pantai Kundor antara yang akan diperjuangkan Kak Ina.

Norizan Abdul Muhid

PANTAI KUNDOR - Masalah hakisan pantai, kerosakan balai nelayan dan ketiadaan peluang pekerjaan menjadi keutamaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Tuminah Kadi untuk ditangani segera.

Menurutnya, sudah terlalu banyak aduan dan rungutan diterima daripada penduduk berhubung isu tersebut dan ia berlanjutan sejak lebih 10 tahun lalu.

"Misalnya, isu penambakan

laut dan pembaikan balai nelayan di situ telah berlanjutan terlalu lama dan kita menerima terlalu banyak aduan tentang masalah yang berlaku.

"Hakisan pantai semakin teruk malah struktur balai nelayan sudah banyak yang reput dan teruk... ini antara permasalahan yang sedang saya tangani ketika ini," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

SELESAI ISU AIR BERSIH, PERPARITAN

Tuminah yang mesra dengan

panggilan Kak Ina berkata, beliau juga perlu melunaskan janji manifestonya sebelum dilantik sebagai ADUN Pantai Kundor.

Antara manifestonya ialah mengatasi masalah perparitan di kawasan itu dan memastikan penduduk menikmati bekalan air bersih sewajarnya.

Katanya, usaha mengenainya dipergiatkan dari semasa ke semasa dan turut digembeleng bersama dengan agensi kerajaan berkaitan bagi memastikan tindakan yang berkesan dalam menangani isu berlaku.



PRO FILA DUN

Nama: Tuminah Kadi @ Mohd Hashim

Umur: 54 tahun

Tarikh lahir: 8 Julai 1967

Status: Berkahwin, lima anak

Kerjaya:-

- Pegawai Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)

- ADUN Pantai Kundor (kini)



KAK Ina sangat prihatin terhadap masalah dihadapi golongan belia.

"Alhamdulillah usaha membekalkan air bersih kepada penduduk kerap mengalami masalah itu sedang dalam pelaksanaan.

"Selain itu, masalah berkaitan longkang dan saliran sedang dalam pemantauan, tindakan mengenainya diambil dari semasa ke semasa.

"Kita (Japerun Pantai Kundor) sentiasa berhubung dan memantau perkembangan isu ini dengan pihak Pejabat Daerah selain rutin turun padang ke lokasi aduan penduduk," katanya.

Ujar beliau, pihaknya mungkin tidak mampu menangani 100 peratus masalah berlaku namun melalui kerjasama dan pembabitian semua pihak, ia tidak mustahil dapat diselesaikan dalam masa yang singkat nanti.

BUKA PELUANG PEKERJAAN

Beliau turut memandang serius isu pengangguran dalam kalangan belia khususnya di kawasan DUN Pantai Kundor.

Katanya, isu pengangguran dan tiada peluang pekerjaan masih berlaku dan seharusnya di-

tangani segera memandangkan ia membabitkan kepentingan rakyat.

Katanya, masalah pengangguran yang dihadapi rakyat semakin ketara sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik COVID-19 kira-kira dua tahun lalu.

"Selain masalah infrastruktur dalam DUN Pantai Kundor yang perlu diberi perhatian ialah masalah pengangguran dalam kalangan belia ketika ini.

"Pihak Japerun Pantai Kundor sedang merancang program yang sesuai seperti *Jobstreet* bagi mempelbagaikan platform peluang pekerjaan yang baharu kepada penduduk DUN yang memerlukan ketika ini," katanya.

Bagi tujuan itu, kata Tuminah, pihaknya merancang mengemukakan program tersebut di Japerun Pantai Kundor dalam usaha mempelbagaikan fungsi dan peranan japerun kepada masyarakat di kawasan itu pada masa depan.

UTeM cungkil bakat e-sukan

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) buat julung kalinya menganjurkan sukan elektronik (e-sukan) bagi mencungkil bakat baharu dalam kalangan warga universiti itu.

Penganjuran sukan itu diadakan menerusi pertandingan Sukan Antara Jabatan Virtual Edition (e-SAJ) dan Kejohanan Virtual Sukan Antara Fakulti (V-SAF) 2021.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UTeM yang menjalankan fungsi Naib Canselor UTeM, Prof Dr Ghazali Omar berkata, ia merupakan acara sukan julung kali dianjurkan di peringkat universiti semasa sejak pandemik melanda negara.

"Selain memberi peluang kepada staf dan pelajar yang berbakat dalam bidang e-sukan ia juga membawa nama baik fakulti, pusat tanggungjawab yang diwakili serta universiti ke pertandingan peringkat seterusnya dalam bidang e-sukan.

"Di samping itu, program Amalan Hidup Sihat anjuran Pejabat Pendaftaran merupakan satu program kesihatan untuk semua warga UTeM khususnya staf dan pelajar demi meningkatkan kesihatan, keselamatan serta kesejahteraan hi-



PEJABAT Hal Ehwal Pelajar dan Perpustakaan Laman Hikmah dinobatkan johan e-SAJ UTeM.

dup," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah (ESAJ) dan (VSAF) 2021 serta Kempen Amalan Hidup Sihat di Dewan Sukan UTeM, baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Operasi (COO) UTeM, Maszarif Mahat serta Pengarah Pusat Sukan UTeM, Prof Dr Mohd Sanusi Azmi.

Pertandingan V-SAF menyaksikan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP) menjadi juara dengan mengumpul empat pingat emas empat perak dan satu pingat gangsa.

Manakala juara pertandingan e-SAJ pula menjadi milik gabungan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Perpustakaan Laman Hikmah dengan

tiga pingat emas, satu perak dan satu gangsa.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif berkata, seramai 1,020 staf terlibat dalam penganjuran e-SAJ tahun ini yang membabitkan atlet dan pengurus.

"Sembilan acara sukan dipertandingkan iaitu catur, virtual power walk, virtual run & ride, es-

port mobile legend, PUBG, FIFA 2021, PES Mobile 2021 dan sepak takraw (Game on Creative Video).

"Bagi penganjuran V-SAF pula lebih 768 pelajar yang terlibat yang terdiri daripada 704 atlet dan pengurus. Manakala tujuh acara sukan dipertandingkan ialah catur, virtual run & ride, esports mobile legend, dota 2, valorant dan lompat tali kreatif," katanya.

Shebby Singh dalam kenangan

JOHOR BAHRU - Bekas pemain bola sepak kebangsaan Serbegeth Singh atau lebih dikenali sebagai Shebby Singh, meninggal dunia ketika berbasikal di Sunway di Iskandar Puteri di sini, 12 Jan lalu.

Shebby, 61, merupakan bekas pemain negara yang pernah beraksi untuk pasukan Johor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang sebelum bersara pada 1996.

Lahir pada 20 Ogos 1960, bakat Shebby yang berasal daripada Kluang, Johor dikesan oleh Allahyarham Abdul Shatar Khan, individu yang terkenal dengan reputasi sebagai jurulatih remaja.

Menyarung jersi kebangsaan pada kejohanan Piala Presiden Korea Selatan pada 1982, Shebby mengumpul 61 penampilan mewakili negara sehingga persaraannya selepas beraksi menentang England di Stadium Merdeka pada 1991.

Sepanjang beraksi untuk skuad Harimau Malaya bermula 1982-1991, Shebby telah mewakili



SERBEGETH SINGH
1960-2022

negara di tiga temasya Sukan Asia, iaitu 1982 (Delhi), 1986 (Seoul) dan 1990 (Beijing), selain meraih emas Sukan SEA 1989 dan gangsapada edisi 1985.

Di arena domestik, Shebby dikenali sebagai seorang pemain pertahanan kental sepanjang kerjaya bersama Johor, Kuala Lumpur, Pahang dan Negeri Sembilan sebelum mencipta nama sebagai personaliti televisyen bermula 1997, termasuk untuk saluran Astro SuperSport, FoxSports and ESPN Asia.

Selaku tonggak Kuala Lumpur, Shebby muncul juara liga 1986, 1987, 1988 dan 1989, juara Piala Malaysia pada 1987, 1988 dan 1989, juara Piala FA pada 1993 dan 1994.

Selain menjadi penasihat global Blackburn Rovers pada 2012-2013, Serbegeth pernah menjadi penasihat rancangan realiti, My-Team serta Malacca Telekom FC, selain menjadi Penasihat Teknikal Johor Darul Ta'zim (JDT). - BERNAMA

Azizulhasni, Zii Jia calon penerima biasiswa Olimpik

KUALA LUMPUR - Jaguh berbasikal trek kebangsaan Datuk Mohd Azizulhasni Awang dan juara All England 2021, Lee Zii Jia merupakan antara 15 calon atlet dikemukakan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) untuk menerima Biasiswa Olimpik daripada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).

Presiden MOM Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata kesemua 15 atlet itu dipilih daripada keseluruhan 40 pencalonan diterima pihaknya menerusi 11 jenis sukan bagi menikmati biasiswa sebagai persiapan untuk menghadapi Sukan Olimpik 2024 di Paris.

"Antara kriteria ditetapkan oleh IOC adalah penerima perlu dalam kalangan atlet yang berpotensi untuk layak ketemasya Sukan Olimpik Paris 2024," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat lembaga eksekutif MOM kali ketiga sesi 2021/2025 di Wisma MOM.

Selain Azizulhasni dan Zii Jia, Mohamad Norza mengumumkan atlet lain yang tersenarai adalah lima lagi pemain badminton negara iaitu Aaron Chia, Soh Wooi Yik, Pearly Tan, M. Thinaah dan S. Kisona serta dua lagi atlet berbasikal trek iaitu Muhammad Shah Firdaus Sahrom dan Muhd Fadhil Zonis.



AZIZULHASNI antara calon penerima biasiswa Olimpik yang dikemukakan MOM. (FOTO: AZIZULHASNI AWANG)

Beliau berkata ratu terjun, Datuk Pandelega Rinong dan Nur Dhabitah Sabri, Khairul Anuar Mohamad yang mewakili memanah serta tiga pelayar kebangsaan, Nura-isyah Jamil, Juni Karimah Noor Jamali dan Nur Shazrin Mohd Latif juga berpeluang menerima biasiswa itu.

Antara bekas atlet kebangsaan yang pernah menerima biasiswa itu adalah dua atlet olahraga iaitu Watson Nyambek dan Yuan Yufang selain Ong Ewe Hock, Cheah Soon Kit dan Choong Tan Fook dari badminton serta atlet pelayaran Kelvin Lim. - BERNAMA



>>
UTeM
cungkil
bakat
e-sukan
23

Sukan

MELAKA HARI INI

Berdialoglah dengan penyokong...



PENYOKONG menggesa MUFC segera mengadakan sesi dialog untuk menjelaskan kemelut yang berlaku akhir-akhir ini.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PENYOKONG bola sepak Melaka menggesa agar sesi dialog bersama penyokong diadakan segera bagi menjawab kemelut yang hangat diperkatakan kini.

Ia selepas timbul isu berkaitan gaji membabitkan pemain Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) yang tiba-tiba sahaja menggemparkan negara.

Pentadbir Kelab Tegar Melaka United, Rinkashi atau mesra dipanggil Abang Rin berkata, dalam era penswastan bola sepak masa kini, isu berkaitan gaji tidak seharusnya timbul.

Namun, apabila ia didedahkan, perkara itu telah membangkitkan kemarahan penyokong, terutama apabila menjangkakan tiada lagi isu panas membabitkan skuad Hang Tuah akan berlaku selepas diambil alih sebuah syarikat besar.

Justeru, dia mewakili suara penyokong-penyokong Melaka meminta penjelasan daripada pengurusan MUFC dengan segera dalam usaha mengembalikan semula keyakinan penyokong terhadap pasukan.

"Kita tak tahu, adakah isu yang berlaku ini disebabkan ada masalah dalaman atau ada isu-isu lain yang tidak diketahui.

"Sebab itu sesi dialog dengan penyokong sangat penting demi kemajuan dan pembangunan sesebuah kelab itu.

"Bila ia tidak berlaku, maka timbullah maki hamun dan kata-kata kesat daripada penyokong. Sebab apa? Sebab perkara ini



ABANG Rin, pentadbir Kelab Tegar Melaka United.

bola sepak.

Sementara itu, Persatuan Pemain-pemain Profesional Malaysia (PFAM) dalam satu kenyataan pada 14 Jan memaklumkan

tidak dijelaskan dan tidak diberi jawapan sebaiknya," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, diaturut mengharapakan Persatuan Bolasepak Melaka (MUSA) dapat memainkan peranan dalam menstruktur dan membangunkan semula sukan bola sepak di negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu hanya dapat di realisasikan sekiranya memilih individu yang tepat, telus dan berpengalaman dalam

MUFC telah menjelaskan tunggakan gaji pemainnya seperti yang dijanjikan.

"PFAM ingin mengucapkan syabas buat para pemain yang berani tampil untuk membuat laporan dan juga mengucapkan terima kasih ke atas pengurusan MUFC yang diterajui oleh pemiliknya, Datuk Wira Justin Lim Hwa Tat dan KenTeam yang segera menyelesaikan isu ini.

"PFAM percaya di bawah pengendalian Datuk Wira Justin selepas ini, perkara ini akan sentiasa diberikan perhatian bagi memastikan isu ini tidak akan berulang di masa akan datang.

"PFAM juga menggesa agar isu ini dijadikan contoh oleh semua pasukan agar segera peka dan menyelesaikan masalah berkaitan tunggakan gaji dalam kadar yang segera memandangkan para pemain sudah pun menjalankan tanggungjawab mereka terhadap pasukan," kata kenyataan itu.